



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN
LAN MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

NUR AIN SYAFIQAH BINTI HAMDAN

(2019206474)

NURAINA SYAKIRAH BINTI MOHD NASRON

(2019805522)

SEMESTER OKT 2021 – FEB 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN
LAN MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN**

NUR AIN SYAFIQAH BINTI HAMDAN

(2019206474)

NURAINA SYAKIRAH BINTI MOHD NASRON

(2019805522)

FAKULTI PENGURUSAN MAKUMAT

SEMESTER OKT 2021 – FEB 2022

ISI KANDUNGAN		M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	v
	Senarai Abreviasi	vii
	Senarai Singkatan	ix
	Rujukan Kata	xi
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	8
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	11
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	12
4.0	Kajian Literatur	14
	4.1 Topik 1	15
	4.2 Topik 2	16
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	18
6.0	Log Temubual	102
7.0	Ralat	133
8.0	Glosari	136
9.0	Indeks	141
10.0	Bibliografi	144
11.0	Lampiran	150
	11.1 Biografi Tokoh	151
	11.2 Surat Perjanjian	153
	11.3 Senarai Soalan	154
	11.4 Diari Penyelidikan	164
	11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Bahan Lain Yang Berkaitan	165

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

ABSTRAK

ABSTRAK

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEKENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN**

ABSTRAK: Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama seorang pelakon veteran dalam bidang seni hiburan iaitu Encik Zailan Kamaruddin Bin Lan bagi berkongsi biografi beliau serta perjalanan beliau sebagai anak seni hiburan dalam bidang lakonan. Sesi temubual ini diadakan secara bersemuka pada tarikh 22 November 2021 bertempat di Cafe Fav Ventures Ladies HQ, Selangor. Temubual ini berjalan selama 2: 03: 11. Soalan - soalan bahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama merupakan bahagian berasaskan orientasi berkenaan pengenalan diri, keluarga dan pendidikan. Bahagian kedua berkenaan bahagian umum seperti pemilihan kerjaya pendapat. Manakala, bahagian ketiga pula lebih spesifik menceritakan mengenai ujibakat, pengalaman awal, watak lakonan, drama-drama lakonan, perbezaan, pengalaman, kenangan pahit dan manis, cabaran serta harapan, perkembangan, kerjaya lain, sumbangan dan harapan. Semasa ditemubual, beliau juga turut memberikan pandangan serta harapan sebagai seorang artis veteran kepada Industri Seni Tanah Air Malaysia. Melalui projek sejarah lisan ini, generasi muda boleh membuat rujukan mengenai artis veteran dengan lebih lanjut dan mendalam dalam bidang Industri Seni Tanah Air Malaysia.

Kata Kunci: Encik Zailan Kamaruddin Bin Lan, Artis Veteran, Industri Seni Tanah Air Malaysia, Sejarah Lisan.

ABSTRACT

**TRANSCRIPT OF INTERVIEW WITH ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
ON THE BIOGRAPHY OF A VETERAN ACTOR**

ABSTRACT: This transcript contains a recording of an interview with a veteran actor in the field of entertainment arts, namely Mr. Zailan Kamaruddin Bin Lan to share his biography and his journey as a child of entertainment arts in the field of acting. This interview session was held face to face on 22 November 2021 at Cafe Fav Ventures Ladies HQ, Selangor. This interview lasted for 2: 03: 11. The questions are divided into three parts, the first part is an orientation -based part regarding self -identification, family and education. The second part deals with the general part such as career selection opinion. Meanwhile, the third part is more specific about auditions, early experiences, acting characters, acting dramas, differences, experiences, bitter and sweet memories, challenges and hopes, developments, other careers, contributions and hopes. During the interview, he also gave his views and hopes as a veteran artist to the Malaysian Art Industry. Through this oral history project, the younger generation can make reference to veteran artists in more depth and depth in the field of Malaysian Art Industry.

Keywords: Mr. Zailan Kamaruddin Bin Lan, Veteran Artist, Malaysian Art Industry, Oral History.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM w.b.t

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t, dengan limpah kurnianya kami berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan kerja khusus kami bagi subjek IMR 604: Oral Documentation, iaitu projek “Transkrip Temubual Bersama En. Zailan Kamaruddin Bin Lan: Mengenai Biografi Seorang Pelakon Veteran” dengan jayanya. Kami sangat menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Madam Siti Norsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini bagi menyiapkan tugas khusus ini. Kesabaran dan ketabahan beliau dalam mencurahkan segala ilmu adalah besar jasanya kepada kami. Kami sangat bersyukur segala ajaran yang diberikan oleh beliau adalah mudah difahami dan beliau juga tidak pernah berputus asa dalam mengajar kami demi memastikan kami faham segala yang diajari oleh beliau di dalam kelas.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada artis veteran iaitu Zailan Kamaruddin Bin Lan, kerana telah banyak berkongsi mengenai biografi beliau serta liku-liku kehidupan beliau sepanjang bergelar seorang artis di dalam bidang seni hiburan. Beliau juga turut menceritakan perjalanan beliau sebagai seorang artis veteran dari awal sehinggalah sekarang. Walaupun sibuk dengan penggambaran, beliau sanggup meluangkan masa bersama kami selama dua jam lebih untuk menceritakan biografi beliau serta pengalaman pahit dan manis beliau dalam bidang seni tanah air. Kami sangat bersyukur kerana Zailan Kamaruddin bin Lan memberikan kerjasama yang tak terhingga kepada kami dalam menyiapkan tugas khusus ini.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan lami yang banyak memberi dorongan, sokongan dan semangat kepada kami semasa tugas ini dilakukan. Kami amat menghargai jasa kalian kepada kami. Semoga Allah memberkati kita semua.

SENARAI ABREVIASI

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
GTAS	Gagasan Transformasi Anak Seni
IC	Identification Card
KBN	Kompleks Budaya Negara
LCE	Lower Certificate of Education
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PM	Production Manager
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEKENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

SENARAI SINGKATAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

SENARAI SINGKATAN

LZ	Lan Zailan
NASH	Nur Ain Syafiqah Hamdan
NSMN	Nuraina Syakirah Mohd Nasron

RUJUKAN KATA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

RUJUKAN KATA

Abe	Abang
Abistu	Habis itu
Bila	Apabila
Bende	Benda
Bapak	Bapa
Cita	Cerita
Diorang	Mereka
Gini	Begini
Gua	Saya
Jugak	Juga
Ko	Kau
Kosi	Kerusi
Keta	Kereta
Lu	Dulu

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENEGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

Le	Lah
Masa tu	Semasa itu
Ni	Ini
Nak	Hendak
Reti	Tahu
Sapa	Siapa
Sengah	Sesetengah
Sorang	Seorang
Tapi	Tetapi
Tu	Itu
Takpe	Tidak mengapa
Takde	Tiada

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

BIODATA PENEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

PENEMUBUAL 1



Nama	Nur Ain Syafiqah Binti Hamdan
Alamat	Lot 1351, Jalan Kampung Baru 3, Kampung Seberang Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Telefon	019-6016419
Emel	aeinhamdannn@gmail.com
Program	Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

1.2 PENEMUBUAL 2



Nama	Nuraina Syakirah Binti Mohammad Nasron
Alamat	No 102, jalan bahagia 6, Taman Desa Damai, 75250 Cheng, Melaka
No. Telefon	010-4652824
Emel	ainaacakirah@gmail.com
Program	Ijazah Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



Nama	Zailan Kamaruddin Bin Lan
Alamat	Cheras, Kuala Lumpur
No. Telefon	019-3070034
Emel	Tiada

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Zailan Kamaruddin Bin Lan dilahirkan pada 10/10/1958 di Parit, Perak dan beliau besarkan di Slim River, Perak. Beliau mempunyai tujuh orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang bongsu daripada empat orang adik beradik di belah mak dan anak sulung daripada lima orang adik beradik pada belah ayah. Beliau amat meminat bidang lakonan walaupun pada awalnya keluarga beliau tidak menggalakkan beliau terlibat dalam bidang lakonan. Darah seni yang mengalir di dalam diri beliau adalah datangnya daripada arwah ayah beliau, kerana arwah ayah beliau juga merupakan seorang pelakon di kampung seperti buat pementasan dan bersilat. Disebabkan minat yang begitu mendalam, beliau tetap meneruskan impian beliau untuk menjadi seorang pelakon.

Beliau bersekolah di Slim River, Perak. Setiap kali cuti sekolah beliau akan ke Kuala Lumpur untuk berkerja semasa cuti sekolah. Setelah tamat sekolah, beliau mengambil keputusan untuk berhijrah ke Kuala Lumpur. Selepas penghijrahan beliau ke Kuala Lumpur, beliau menghadiri banyak ujibakat lakonan sehinggalah beliau ditawarkan berlakon sebuah drama yang bertajuk 'Calon' dan memegang watak sebagai 'Atan'. Bermula di situlah, beliau mengorak langkah beliau sebagai seorang pelakon. Beliau menyatakan bahawa beliau banyak mempelajari bidang lakonan melalui teater. Antara teater yang beliau pernah sertai ialah teater Bangsawan, Aswara dan Hidayah. Di teater, beliau mempelajari lakonan melalui pemerhatian setiap gerak geri lakonan yang dilakonan oleh pelakon lain, selepas itu beliau akan berlatih lakonan tersebut sehingga beliau berpuas hati.

Walaupun beliau tidak berguru dengan mana-mana guru silat, tetapi beliau berjaya mempelajari silat melalui pemerhatian semasa di teater. Encik Zailan Kamaruddin Bin Lan berkata, seseorang pelakon haruslah mempunyai asas awal berlakon seperti menari, berlawan, menaiki basikal, menaiki kereta dan berenang. Melalui asas-asas ini ianya akan membantu seseorang pelakon tersebut dalam sesebuah drama, filem mahupun lakonan teater. Beliau turut menyatakan bahawa untuk menjadi seseorang pelakon yang terbaik, seeloknya mempelajari mengenai lakonan melalui teater.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

Bakat yang ada di dalam diri Encik Zailan Kamarudin Bin Lan tidak disia-siakan, malah beliau menggunakan segala ilmu yang diperolehi mengenai lakonan di dalam sesebuah drama, filem dan lakonan di dalam teater. Walaupun sudah mempunyai pengalaman berlakon selama 45 tahun, beliau masih aktif bergiat dalam dunia lakonan dan beliau berhasrat ingin berlakon sehingga sehingga akhir hayatnya. Walaupun Encik Zailan Kamarudin Bin Lan sedang sibuk dengan penggambaran tetapi sudi meluangkan masa bersama kami untuk menjalan sesi temubual ini. Beliau memberi kerjasama dengan baik kepada kami sepanjang tempoh temubual ini dilakukan. Beliau juga banyak menyumbangkan idea kepada kami semasa temubual dijalankan demi menjayakan projek sejarah lisan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

SEJARAH LISAN

3.0 Sejarah Lisan

3.1 Pengenalan

Menurut (Rozeman, 2004) sejarah lisan merupakan penyelidikan atau kaedah bagi memelihara pengetahuan-pengetahuan melalui pengkisahan dan menurut (A.R. Fry dan W. Baum, 1969) pula, seperti yang dipetik oleh Mohd Amin Hassan (1974) pakar-pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 telah bersetuju untuk menerima definisi oral history (sejarah lisan) secara umum sebagai “suatu metode untuk mendapatkan dan mengumpul sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan dan biasanya di atas pita rakaman”. Selain itu, sumber lisan pula boleh didefinisikan sebagai sumber yang didapati melalui pertuturan atau perkhabaran tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sumber bertulis turut dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting (Muhd. Yusuf Ibrahim, 2009).

Kajian ini adalah bertemakan artis veteran iaitu memfokuskan para artis yang telah memulakan karier dari tahun 1960 sehingga tahun 1980. Bersesuaian dengan tema, artis veteran semestinya mempunyai sejarah tersendiri yang amat bernilai tambahan pula dengan pengalaman yang telah mereka perolehi sepanjang tempoh menceburi bidang tersebut menjadikan mereka lebih dikenali dan diminati sehingga kini. Perkara ini telah mendapat sokongan daripada (Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor, 2019) berita harian menyatakan bahawa barisan selebriti tahun 1960 sehingga 1990 mempunyai lebih ramai peminat kerana mereka memiliki kualiti lakonan yang amat bagus.

Sejarah lisan menurut (Abdul Rahman, 1996) adalah proses yang memerlukan seseorang individu untuk menceritakan sesuatu perkara yang telah berlaku dan ianya juga dianggap sebagai sumber primer kerana maklumat diperolehi melalui hasil rakaman perbualan temu ramah. Hal ini turut mendapat sokongan daripada (Rozeman Abu Hasan, 2004) iaitu merangkumi proses wawancara dan dirakam dalam pita mengenai keterangan orang yang terlihat secara langsung atau hanya sekadar menyaksikan peristiwa tersebut serta terdapat dua jenis sumber sejarah iaitu sumber lisan atau sumber bertulis di mana kedua-duanya adalah sangat penting untuk mendapatkan sesuatu maklumat dari sumber yang sah.

Selain itu, menurut (Miller, 2006) menjelaskan bahawa tujuan sejarah lisan adalah untuk mendapatkan informasi tentang orang biasa dan juga aspek kehidupan yang tidak terdapat dalam dokumen bertulis. Perkara ini turut dijelaskan oleh (Sommer, 2009) iaitu sejarah lisan memberi lebih banyak maklumat berbanding dokumen dan hal ini demikian kerana,

melalui sejarah lisan ianya dapat menggambarkan pelaku sejarah secara nyata juga memudahkan pemahaman seseorang. Sejarah lisan juga bertujuan memainkan peranan yang amat penting dalam menambah dan memelihara sumber-sumber sejarah yang ada serta mendapatkan dan menjaga rekod-rekod sejarah yang semakin berkurang dan terdapat juga rekod yang telah hilang. (Abu Hassan, 2004).

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan mengenai isu sejarah lisan antaranya salah satu daripada kelemahan yang besar dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia adalah disebabkan oleh kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Perkara ini berlaku kerana tiadanya tradisi untuk menyimpan catatan harian, menulis dokumen serta menulis riwayat hidup seseorang. Justeru itu, sumber lisan akan memainkan peranan penting dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang ada. (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Begitu juga, sejarah lisan amat terasa dalam keadaan di mana kurangnya sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu (Muhd. Yusof Ibrahim, 2009).

Kesimpulannya, berdasarkan segala pandangan serta sokongan untuk sejarah lisan ini dapat difahamkan bahawa sejarah lisan adalah sangat penting dan seharusnya terus berkembang bagi mendapatkan segala maklumat sejarah yang tinggi nilainya. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007) iaitu walaupun kekurangan sumber bertulis namun rakyat kita amat kaya dengan tradisi lisan. Maka, sumber lisan inilah yang akan digunakan oleh sejarawan untuk menulis sejarah yang bercorak tempatan. Selain itu, melalui sejarah lisan pengkaji dapat memahami bahawa kaedah ini lebih berkualiti kerana maklumat didapatkan secara lisan dan akan diolah kepada sumber bertulis yang lebih moden bagi tujuan penyelidikan dan boleh juga dijadikan sebagai kenangan. Perkara ini mendapat sokongan daripada (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007) di mana sejarah lisan amat unik kerana dapat menghubungkan zaman yang lalu dengan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan objektif berikut:

1. Untuk mendokumentasikan sumber primer tentang perjalanan dan kehidupan artis veteran yang dipilih sebagai memori sejarah.
2. Sebagai penghargaan kepada artis veteran yang dipilih untuk ditemubual sebagai koleksi sejarah lisan.
3. Untuk mengetahui cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Penyelidikan kajian mengenai artis veteran mempunyai banyak kepentingan dan sumbangan. Kepentingan kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi akan datang untuk mengetahui dengan lebih mendalam kisah - kisah artis veteran di tanah air. Hal ini dikatakan kerana, pada zaman sekarang terdapat ramai generasi muda tidak beberapa mengenali artis veteran kerana kebanyakan artis veteran tidak lagi aktif dalam bidang lakonan. Oleh itu, kajian ini akan memberikan impak yang positif kepada masyarakat kerana melalui kajian ini terdapat pelbagai kisah yang dirungkai oleh pengkaji mengenai segala pengalaman pahit dan manis pelakon veteran lalui dan harungi dalam bidang lakonan yang masyarakat tidak mengetahuinya.

3.3.1 Persatuan

Kajian ini memberikan impak yang baik kepada organisasi seperti Persatuan Sejarah, Persatuan Seniman Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM). Melalui kajian ini, Persatuan Sejarah dan Persatuan Seniman Malaysia boleh membuat rujukan untuk masa hadapan untuk mengambil ikhtibar tentang cerita artis veteran yang ditindaskan kerana mereka dianggap sudah tidak relevan. Manakala kepentingan kajian untuk Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) merupakan sebuah pendekatan yang baik kerana memperluaskan sejarah lisan kepada pelajar mahupun pekerja di UiTM. Menurut (UKM, n.d.) penggunaan Sejarah Lisan sebagai satu alat pengajaran belum digunakan dengan sepatutnya. Sejarah Lisan berdasarkan kepada kenang-kenangan seseorang yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa yang penting dan maklumat-maklumat ini sungguh bernilai di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Oleh itu, menggunakan sejarah lisan dalam kajian ini dapat membantu organisasi serta masyarakat yang membacanya.

3.3.2 Masyarakat

Seterusnya, kajian ini juga memberi banyak faedah dan sumbangan kepada masyarakat. Artis veteran banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dari segi lakonan yang mereka lakon di layar televisyen untuk memberi hiburan kepada masyarakat. Oleh itu, melalui kajian ini masyarakat boleh mengetahui sejarah perjalanan artis veteran serta jatuh dan bangun artis veteran dalam bidang industri. Cerita artis veteran haruslah dihargai dan dihormati oleh masyarakat agar artis veteran sentiasa dipelihara hak mereka dalam bidang seni tanah air.

3.3.3 Individu

Akhir sekali, individu juga mempunyai kepentingan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan kerana, melalui sejarah lisan kajian ini dapat diperluaskan kepada semua individu. Terutamanya, sekiranya seseorang individu ingin membuat kajian mengenai artis veteran ianya dapat dijadikan sebagai rujukan semasa membuat kajian.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1: Artis Veteran

Bahagian ini akan mengupas beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tema kajian iaitu artis veteran. Seperti yang telah diketahui, pada era masa kini, semakin ramai artis sama ada artis lama atau baru akan mewarnai kaca televisyen. Masing-masing mempunyai kemahiran, keunikan dan sebagainya yang akan digunakan untuk menonjolkan diri memandangkan saingan bukan sahaja daripada artis Malaysia malah dari negara luar. Menurut (Radhi Khalid,2013), beliau amat menyokong untuk memberikan lebih keutamaan kepada anak seni tempatan berbanding khidmat orang luar malah beliau turut berharap agar dapat membuka mata orang ramai mengenai nasib artis tempatan yang semakin dianak tirikan. Perkara ini turut mendapat perhatian daripada Presiden Seniman (Zed Zaidi,2011) bahawa akan mengawal dan memastikan artis luar tidak mengambil jalan mudah mencari rezeki di Malaysia.

Terdapat beberapa isu yang melibatkan para artis veteran sehingga memberikan kesan sampingan kepada mereka terutama kedudukan dalam bidang industri seni. Menurut (Norlia Ghani,2017) menyatakan bahawa persaingan dan kehadiran pelakon baru telah menyebabkan beliau ditolak untuk memegang watak sebagai seorang wanita tua gara-gara pihak penerbit mahukan wanita yang lebih muda sebagai karakter watak tersebut. Seterusnya, (Fadzil Teh,2021) memberi hujah akan berlakunya isu ini adalah disebabkan pihak produksi tidak mahu membebankan artis veteran dengan watak berat yang memerlukan tahap emosi yang tinggi. Justeru itu, pihak produksi mengambil artis yang lebih muda agar perjalanan penggambaran lebih cepat.

Selain itu, terdapat juga pernyataan daripada Jalil Hamid bahawa beliau berasa sangat terhina dengan layanan yang diberikan oleh syarikat produksi. Beliau turut menyatakan bahawa artis veteran sering menerima layanan kelas kedua seperti dari segi penginapan di mana mereka hanya diberikan sebuah rumah inap dan perlu dikongsi begitu juga dengan makanan yang disediakan adalah tidak bersesuaian untuk mereka yang telah berusia. Terdapat juga syarikat produksi yang gemar mengugut artis veteran sama ada terima sahaja tawaran atau tawaran tersebut diberikan kepada pelakon lain (Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin,2021) Perkara ini dapat dibuktikan melalui kenyataan daripada artis yang terlibat iaitu Jalil Hamid, bahawa beliau pernah ditawarkan hanya RM 1500 sebagai watak utama dan

akibat daripada tindakan berani beliau bersuara telah mengakibatkannya tidak menerima tawaran berlakon selama 7 bulan (Ardini Sophia Sina, 2018).

4.2: Topik 2: Pelakon

Dalam industri seni lakonan, pelakon adalah keutamaan yang akan memastikan industri ini dapat bersaing dengan negara lain di peringkat yang lebih tinggi. Para pelakon juga semestinya perlu mempersiapkan diri dengan ilmu yang mencukupi seperti kemahiran, keyakinan ketika berlakon dan sebagainya. Mereka juga perlu sentiasa memastikan mutu lakonan sentiasa digilap dan diperbaiki untuk hasil yang lebih baik. Perkara ini boleh dibuktikan melalui kenyataan daripada seorang artis iaitu (Redza Rosli, 2018) di mana beliau akan mengikuti kelas drama atau teater sekurang-kurangnya sekali setahun. Hal ini bertujuan untuk memantapkan ilmu lakonannya dengan cara mempelajari sama ada daripada para pelakon yang lebih senior atau dengan menghadiri kelas.

Isu mutu atau bakat lakonan telah mendapat perhatian pelbagai pihak terutamanya artis yang lebih senior iaitu kehadiran pelakon baru sekarang adalah tidak memiliki kebolehan yang sepatutnya dalam bidang lakonan tetapi mempunyai pengikut media sosial yang ramai. Menurut (Namron, 2021) sekiranya perkara ini terus berpanjangan maka akan memberi impak buruk terhadap industri seni di Malaysia. Perkara ini turut dibahas oleh (Didie Alias, 2021) iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) dan persatuan seni lain perlu bersuara untuk menangani isu tersebut. Menurut (Namron, 2021) industri seni Malaysia perlu mencontohi industri negara luar dalam menyediakan karya yang berkualiti seperti skrip, penghayatan dalam lakonan dan lain-lain lagi.

Selain itu, para pelakon semestinya mempunyai peminat masing-masing di mana mereka menjadi idola atau kebanggaan kepada negara kita. Oleh itu, sumbangan para pelakon lebih-lebih lagi dalam industri seni akan membuatkan nama negara terus dikenali ramai. Sebagai contoh menurut (Elrafail Sapi, 2017) telah membuat kajian dan penyelidikan lalu terus membuat ringkasan mengenai beberapa orang selebriti Malaysia yang telah banyak memberi sumbangan kepada negara seperti Neelofa, Lisa Surihani, Fazura. Anugerah yang mereka perolehi adalah di peringkat antarabangsa seperti Neelofa pernah memenangi anugerah 'Tribute to Women Malaysia 2016'. Seterusnya menurut (Mohd Al Qayum Azizi, 2018) Dato' Yusof Haslam telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sastera Seni dalam Bidang Perfileman. Pemilihan ini telah dilakukan berdasarkan sumbangan yang banyak oleh beliau serta pengalaman yang meluas dalam bidang seni lakonan dan perfileman. Seterusnya,

menurut (Nur Asyikin Mayudin,2018) turut menyenaraikan beberapa artis Malaysia yang turut sama memberikan sumbangan ketika program Tabung Harapan dijalankan iaitu Alif Satar, Fauziah Latif dan Fatiya. Sumbangan yang mereka berikan bukan sahaja dapat membantu menambahkan jumlah kutipan derma malah juga menunjukkan bahawa artis tempatan sentiasa menyokong pihak kerajaan.

Akhir sekali, cabaran yang perlu dihadapi sebagai seorang pelakon turut memainkan peranan utama kerana kematangan dan kebolehan seseorang pelakon boleh dikenal pasti melalui cara mengatasi cabaran tersebut. Misalnya, jika seorang pelakon diminta untuk membuat sesuatu perkara di luar bidang mereka seperti undangan menjadi pelawak, pengacara dan lain-lain. Menurut (Juliana Evans,2010) beliau tidak gentar sekiranya diberi peluang untuk mencuba bidang yang baru seperti lakonan dimana beliau berpendapat ianya berbeza daripada bidang pengacaraan dan komersial yang membantu untuk memantapkan lagi kerjayanya. Julina Evans juga berpendapat bahawa sebagai anak seni seharusnya mencuba pelbagai bidang kerana akan membantu dalam kerjaya masing-masing. Perkara ini juga diakui oleh (Syamsul Yusuf,2018) iaitu beliau berjaya mengatasi cabaran untuk membawa watak yang lain daripada yang selalu dipegang oleh beliau malah beliau juga mengakui bahawa mengarah dan berlakon filem sendiri tidak dapat memberikan fokus sepenuhnya berbanding dengan berlakon atas arahan pengarah lain.

Cabaran lain yang turut dihadapi oleh pelakon apabila melibatkan emosi seperti menangis, marah dan sebagainya di mana hal ini pasti menjadi keutamaan untuk memastikan penonton terkesan dengan watak yang dibintanggi oleh seseorang pelakon. Menurut (Sophia AlBarakbaah, 2021) beliau amat terkesan untuk membawa emosi marah dalam lakonannya di mana beliau tidak berpuas hati dengan babak tersebut walaupun telah melontakkan semua emosi marahnya sehingga beliau merasa kegagalan dalam bidang seni. Selain itu, menurut (Wanna Ali,2021) turut berkongsi cabaran yang sukar buatnya untuk mendalami babak sedih ketika membintanggi filem 'Ada Apa Dengan Dosa'. Menurutnya, beliau perlu berhadapan dengan babak yang memerlukan untuk menangis dan emosi yang sedih. Beliau mengakui bahawa perkara ini adalah cabaran besar buatnya di mana beliau bukanlah seorang pelakon air mata. Justeru itu, seperti yang dibahaskan oleh pelakon senior seperti Didie Alias, Namrom, Yusry A. Halim mengenai bakat adalah lebih penting berbanding dengan populariti adalah kerana cabaran dalam bidang lakonan sangat besar di mana memerlukan pelakon yang betul-betul boleh berlakon dengan baik supaya mutu lakonan industri Malaysia tidak merosot hanya kerana ketetapan syarat yang tidak logik.

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP

TRANSKRIP TEMUBUAL

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatu dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang tokoh dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami Encik Zailan Kamarudin Bin Lan yang merupakan seorang pelakon dalam bidang industri. Rakaman ini dijalankan di Cafe Fav Ventures Ladies and HQ pada 22 November 2021. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nur Ain Syafiqah Binti Hamdan dan pasangan saya Nuraina Syakirah Binti Mohd Nasron. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

NASH: Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatu Encik Lan Zailan. Saya Nur Ain Syafiqah Binti Hamdan dan pasangan saya Nuraina Syakirah Binti Mohd Nasron. Jadi hari ini - Kami ingin membuat temubual mengenai biografi diri Encik Lan Zailan. Boleh ke -- Encik menceritakan - sedikit latar belakang mengenai diri encik.

LZ: Waalaikumsalam, terima kasih. Ceh, santai-santaikan? (sambil bersandar pada sofa dan tergelak kecil) kerana sudi menemu bual saya. Okey, - nama sebenarnya Zailan Kamaruddin Bin Lan (sambil menunjukkan isyarat tangan). Okey, nak tanya apa lagi? Jangan *nervous* [gementar] santai tanya je (ketawa bersama-sama). Nak tanya nombor IC [kad pengenalan]? (sambil ketawa).

NASH: Kami Sebenarnya nak bertanya latar belakang diri encik. Boleh tak Encik Lan menceritakan mengenai serba serbi sedikit mengenai latar belakang diri Encik Lan?

LZ: (Sambil menyising lengan baju) Okey, nama dah sebut tadi Zailan Kamaruddin Bin Lan. Dilahirkan di Parit Perak, dibesarkan di Slim River bersekolah pun (sambil berfikir) di Slim River (Perak) jugak (sambil isyarat tangan). *So* [jadi] selepas beberapa tahun, tamatnya sekolah saya berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia]. Biasalah masa dulu masa budak-budak kan? Kakak duduk Kuala Lumpur [Malaysia] cuti sekolah turun Kuala Lumpur [Malaysia] lepastu sebulan dua [2] bulan kerja kilang balik kampung balik.

NASH: Oh ha (sambil menganggukkan kepala).

LZ: Lepastu sama jugak cuti sekolah sebulan dua [2] bulan turun Kuala Lumpur [Malaysia] duduk rumah kakak. Masa tu kita taknak fikir apa-apa. Budak lagikan? Okey, turun rumah kakak kerja kilang kadang-kadang kerjalah apa yang boleh kontrak-kontrak ke? Masa zaman-zaman tu kan? *Uncle* lah panggilkan senangkan (sambil menunjukkan diri sendiri) Okey, masa itu okey pernahlah buat kerja-kerja kontrak masa cuti sekolahkan. Pastu bila -- dah takde kerja bila nak bukak sekolah balik, Okey balik balik. *So* [jadi] yang paling *last* [akhir] turun di Kuala Lumpur [Malaysia] rasanya tahun tujuh puluh [70] (terdiam seketika sambil berfikir) lebih tapi tak ingatlah tahun tujuh puluh [70] berapa. Tapi era -- tahun tujuh puluh [70]-an. Okey, *uncle* turun kat Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil isyarat tangan dan memikirkan) lepastu terus bekerja dan terus menetap di sini dan terus berumah tangga di Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil tersenyum dan menepuk tangannya).

NASH: Oh (tersenyum dan menganggukkan kepala).

LZ: Okey -- pasangan yang pertama Hasnah Binti Mohd Taib berasal daripada Klang (terdiam seketika dan merenung lantai.) meninggal dunia pada tahun 2016 (menunjukkan raut wajah yang sedih), *so* [jadi] yang ini *the second* [yang kedua] tau (sambil mengangkat 2 jari dan ketawa bersama-sama).

NASH: Okey (sambil tergelak kecil dan mengangguk kepala).

LZ: Tapi setelah meninggal lah. Kalau tak meninggal tu satu [1] jugaklah kan (sambil mengangkat jari 1). Mungkin tidak pergi dua [2] lah kan, tapi bila meninggal *so* [jadi] akak ni yang nombor dua [2] lah. *So* [jadi] anak ada lima [5] orang, empat [4] orang perempuan sorang laki-laki. *So* [jadi] cucu pun ada lima [5] orang. Alhamdulillah, semuanya dah besar-besar, semua dah bekerja sendiri dan ada *family* [keluarga] tinggal sorang je lagi belum kahwin. Sorang lagi belum kahwin tau (sambil melirik mata ke arah jurukamera dan ketawa bersama-sama). *So* [jadi] apa lagi?

NASH: Ha (sambil berfikir) okey, boleh tak encik ceritakan mengenai - latar belakang keluarga encik dari zaman encik kecil sampai ke besar?

LZ: Ha (terdiam seketika, menghembuskan nafas dan seperti mengimbas sesuatu). Jarang orang tanya macam ni, tapi kalau *uncle* cerita pun, dia cerita dia memang panjang. Okey (sambil membetulkan duduk dan menghitung jari) tadi lahir di Parit, Perak pada zaman _ *uncle* lahir tahun 1958 (sambil mengingatkan perkara masa lalu) masa lahir tu dulu-dulu lah kan orang kampung, jiran-jiran - arwah -- ayah *uncle* baru meninggal __ dia takde anak. *So* [jadi] bila takde anak, bila *uncle* lahir je dibagi pada orang itu (sambil isyarat tangan memberi sesuatu). Dia bagi kat orang tu.

NASH: Oh ya (teruja dan penuh perasaan ingin tahu).

LZ: Dia bagi dekat jiran dia (sambung cerita sambil isyarat tangan memberi sesuatu). *So* [jadi] -- *so* [jadi] jiran tu yang membesarkan. Jadi kalau (sambil menunjukkan jari ke arah kami) jirannya yang membesarkan, makna *uncle* ada arwah ayah kandung dan arwah emak yang melahirkan. Panjang cerita ni tapi kalau tak dengar betul-betul boleh jadi (sambil berfikir) macam 'Keluarga Enam Puluh Sembilan'

[69] (sambil ketawa bersama-sama). Okey – bila *uncle* lahir, orang tu dah kahwin dalam masa sepuluh [10] tahun lah, dia takde anak *So* [jadi] *uncle* ni dibagikan dekat jiran -- yang bapak *uncle* (sambil memejamkan mata untuk mengingatkan sesuatu) yang menjadikan *uncle* dengan mak yang melahirkan *uncle* bagi dekat jiran (sambil isyarat tangan memberi). *So* [jadi] diaorang ni takde. Diorang ni berpisah (sambil isyarat tangan terpisah).

NASH: Oh (menganggukkan kepala).

LZ: Ha (sambil menganggukkan kepala) berpisah. Arwah mak *uncle* pun kahwin lain, arwah ayah *uncle* pun kahwin lain. *So* [jadi] dibagikan dekat mak angkat dan bapak angkat tadi, di situlah *uncle* dibesarkan, disekolahkan dekat Slim River (Perak) jugaklah. *So* [jadi] dalam ingat *uncle* berumur dalam (memandang ke atas untuk mengingatkan sesuatu) lapan [8] tahun macam gitu diaorang berpisah jugak (sambil menunjukkan jari dan ketawa). Panjang cerita ni (sambil ketawa) tiga [3] hari tiga [3] malam ni. Okey, diaorang berpisah jugak. Bila berpisah arwah - semua dah arwah. Arwah mak pun buat jalan dia dan arwah bapak pun ikut jalan dia. *So* [jadi] sebelum diaorang meninggal yang mak tu kahwin lagi satu [1] yang arwah bapa angkat tu pun kahwin lagi satu [1]. *So* [jadi] berapa *uncle* ada bapak berapa *uncle* ada mak? (sambil ketawa bersama-sama).

NSMN: Ramai (sambil menganggukkan kepala dan ketawa).

LZ: Ha *conflict* [konflik] kan? Tapi menariklah cerita dia. Kalau nak diikutkan okey *uncle* ada (sambil menghitung jari) dua [2] orang ayah dan empat [4] orang mak (sambil menunjukkan 4 jari). Mak yang melahirkan, mak angkat, mak tiri, mak angkat. Makna ada empat [4] orang mak dua [2] orang ayah. (sambil senyum dan menunjukkan 4 jari). Adik beradik kalau nak ikut belah mak yang melahirkan *uncle* -- yang kecil sekali. Kalau nak ikut sebelah bapa yang menjadikan *uncle*, *uncle* anak yang pertama (sambil menunjukkan 1 jari sebagai pertama).

NASH : Faham-faham (sambil menganggukkan kepala).

LZ: Fa - Faham? (sambil ketawa bersama-sama). Kalau arwah Tan Sri P. Ramlee [Teuku Zakaria Bin Tengku Nyak Puteh, Seniman Negera Malaysia] buat cerita 'Enam Puluh Sembilan' [69] kita buat cerita tujuh puluh satu [71] (sambil ketawa bersama-sama).

NASH: Oh, _ (sambil ketawa kecil). Okey, beralih kepada soalan seterusnya (sambil tersenyum).

LZ: Yes [ya] (sambil menganggukkan kepala).

NASH: Boleh encik menceritakan serba - sedikit mengenai latar belakang encik dalam bidang pendidikan?

LZ: Ha sebenarnya *uncle* tak sekolah tinggi. (terdiam seketika). Dulu LCE [Lower Certificate of Education] je (sambil ketawa). Dulu LCE je kan. Itulah, lepas je LCE – *uncle* tu yang tu turun ke Kuala Lumpur [Malaysia] -- sebenarnya *uncle* pun tak tahu darah seni tu ada dekat *uncle*. Adik beradik *uncle* ramai jugak yang kerja dengan *government* [kerajaan] yang dengan swasta (sambil menggoyang kaki). Tapi (seperti memikirkan sesuatu) tu tadi yang macam *uncle* cakap, *uncle* pun tak tahu *uncle* ada darah – seni (sambil menghembus nafas). Ha setelah *uncle* duduk di Kuala Lumpur [Malaysia] beberapa tahun, masatu ha (sambil mengingatkan sesuatu) buat-buat *extra* [tambahan] lah. *Uncle* sebenarnya daripada *extra* [tambahan] (sambil mengangguk kepala).

NSMN: Oh (sambil mengangguk kepala).

LZ: Daripada – bukan tiba-tiba naik terus jadi -- pelakon yang -- hebat. Ha (sambil mengingatkan sesuatu) daripada *extra* [tambahan] lu pernah dibayar tiga puluh [30] ringgit [RM30] (merenung lantai sambil ketawa kecil). Pernah dibayar lima belas [15] ringgit [RM15], pernah dibayar dua puluh [20] ringgit [RM20]. So [jadi] dari situ (memek muka terharu) *uncle* belajar. Bila *uncle* belajar *uncle* – buat *extra* -- [tambahan] dulu RTM [Radio Televisyen Malaysia] je. Dalam era tahun lapan puluh-an [80] lu RTM [Radio Televisyen Malaysia] je. Kalau tak silap *uncle* lapan puluh enam [86] baru ada TV3 rasanya (sambil menunjukkan isyarat tangan dan menganggukkan kepala). Sebelum tu semua dekat RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan bakat *uncle* (menunjukkan pada diri sendiri) pun dicungkil daripada RTM [Radio Televisyen Malaysia] lah, TV1 zamam itu lahan (sambil menggoyang kaki). Masa tu kan (sambil memandang ke atas) ‘Drama Minggu Ini’ (sambil melentok kepala ke kanan) apa semuakan. Masatu uii, ramailah hero-hero diaorang (melentok kepala ke kanan). Masa tu kita -- kita jadi pelakon-pelakon *extra* [tambahan] lakan. _ macam yang *uncle* cakap tadi, *uncle* pun tak tahu darah seni tu ada kat *uncle* (sambil menunjuk pada diri sendiri) So [jadi] selepas je *uncle* ha (sambil mengimbas sesuatu) berlakon-berlakon *extra* [tambahan] apa semua tu keluar dekat Tv -- sikit-sikit bila balik kampung pakcik-pakcik perasaan (sambil senyum dan gaya isyarat tangan). “Kamu berlakon ke?” --(sambil senyum dan melentok kepala ke kanan). Tu *uncle* cakaplah “adalah sikit-sikit baru-baru nak belajarkan”. Lepastu barulah (menunjukkan tangan ke depan) arwah pakcik *uncle* ni cerita “sebenarnya bapak kamu pun dekat kampung ni pelakon, dia kata” (sambil senyum). Kan kalau ingat dulu zaman-zaman tujuh puluh-an [70] kalau macam (sambil mengingat sesuatu) apa kalau macam kita ada apa-apa program dekat (sambil melihat ke lantai) sekolah ke an ha (berfikir sesuatu) macam apa _ kita panggil sukaneka ke apa ke kan dekat sekolah malam kadang ada buat pementasan. So [jadi] (sambil menunjukkan diri sendiri) arwah ayah *uncle* tengah bersilat dekat atas tu. (sambil tersenyum dan gaya tangan menunjuk ke atas).

NASH : Oh (sambil menganggukkan kepala).

NSMN: Oh (senyum dan menganggukkan kepala).

LZ: Ha (sambil tersenyum) jadi mungkin titisan darah tu jatuh kat *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) tak jatuh dekat adik beradik *uncle* yang lain kan (sambil menghalakan tangan ke kanan). Ha (tersenyum) macam itulah lebih kurang ceritanya (sambil menundukkan kepala ke bawah dan ketawa).

NASH: Oh faham. Okey seterusnya erm (sambil menunggu helaian skrip yang seterusnya).

NSMN: (Senyum dan menukar helaian skrip soalan seterusnya).

LZ: *So* [jadi] apa lagi? (sambil menunggu soalan dan tersenyum).

NASH: _ Kitaorang nak tanya pasal soalan umum (sambil beralih pandangan daripada skrip soalan kepada Lan Zailan) untuk bahagian pilihan kerjaya. _ pilihan kerjaya *uncle*. Sebelum – *uncle* menceburi bidang lakonan ni apa pekerjaan pertama *uncle*?

LZ: Ha (sambil merenung ke depan seterusnya mengalih pandangan) macam yang *uncle* cakap lah tadi. Lepas je sekolah tahun – era tujuh puluh-an [70] tu ha (sambil berfikir) datang Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil merapatkan tangan) masatu umur belasan tahun kan (sambil mengangkat wajah) takde -- kerja tetap lagilah (sambil menggelengkan kepala) kerja kat kilang plastik (sambil menghalakan tangan ke depan) kadang sebulan (sambil menggoyang kaki) abistu alah *boring* [bosan] lah kerja (melentok kepala ke kanan) balik --. Abistu ikut -- lori _ jadi -- kelindan lori kan? macam tu lah kan masa budak-budak tu lah kan (sambil tersenyum). Dalam – tujuh belas [17] enam belah [16] macam itulah kan masa budak-budak pastu rasa tak seronok balik kampung balik (sambil melentok kepala

ke kanan). Ha itu le, itu yang -- kalau tak silap *uncle* (sambil mengerutkan dahi) last *uncle* turun Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil memandang atas untuk mengingatkan sesuatu) tu sampai kahwin, sampai ada anak, sampai menetap sini terus rasanya tujuh puluh lapan [78] ke tujuh puluh Sembilan [79] macam tu. Sebab ape sebab masa (sambil menghitung jari) dah tujuh puluh lapan [78] tu masatu *uncle* kerja dekat 'Malaysia Fancy Playwood' [kilang] Jalan Klang Lama [Kuala Lumpur, Malaysia], masatu ada -- kelab sukan diaorang. So [jadi], ada kelab sukan diaorang. Diaorang ada buat ha apa? *group* [kumpulan] teater (sambil menganggukkan kepala). Kalau tak silap *uncle* itulah drama pertama yang *uncle* berlakon (sambil menunjukkan isyarat jari satu [1] dan menggoyangkan kaki) tajuk ha (sambil berfikir) drama dia 'Calon' (menggoyang kaki).

NASH: Calon.

NSMN: (Menganggukkan kepala).

LZ: Calon ha (sambil menganggukkan kepala). Drama-drama teater pertama *uncle*. Masatu adalah diaorang bagi *medal* [piala] tu (sambil gaya tangan seperti bentuk piala). Tapi bila balik kampung kan, eh dah (sambil menggayakan memek muka kehilangan) *medal* [piala] tu dah hilang. Tidak mungkin itulah bukti dia (sambil menggayakan tangan seperti bentuk piala) kan?

NASH: (Mengangguk kepala).

NSMN: (Mengangguk kepala).

LZ: Tahun tujuh puluh lapan [78] ke tujuh puluh enam [76] (sambil memusingkan muka ke kanan). Ha itu drama pertama *uncle*.

NASH: (Menganggukkan kepala).

NSMN: (Menganggukkan kepala).

LZ: *So* [jadi], ha (berfikir sesuatu) – daripada situ bila menetap sini (sambil menundukkan muka dan isyarat tangan) ha menetap sini okey. *uncle* (sambil mengangkat muka) -- _ pernah pergi *audition* [uji bakat] masa dulu – kan stesyen TV kan tak banyak macam *uncle* cakap tadi (sambil tunjuk jari 1) di RTM [Radio Televisyen Malaysia] je satu [1]. *So* [jadi] *uncle* pernah pergi *audition* [uji bakat], *audition* [uji bakat] sana *audition* [uji bakat] sini (sambil menggayakan tangan ke kiri dan kanan) pastu kata “Okey awak berjaya” (sambil menganggukkan kepala). Wah *happy* [gembira] lah. Tapi bila sampai surat (menggayakan seperti memegang surat) “dukacita dimaklumkan anda tak terpilih” (sambil menggoyang kaki). Tapi masa *audition* [uji bakat] “dia kata berjaya”. Okey semangatlah kan _ Tapi bila sampai -- surat sampai tempat kerja (sambil menggayakan cara membaca surat) alamak dukacita (sambil menunjukkan telapak tangan sebagai gaya surat). Bila dukacita kawan-kawan pun perli lah kan (sambil senyum). “Halah nak jadi pelakon lah gini – lah.” Pernah jugaklah (sambil mengalihkan posisi tangan). Tapi – tak yah sebut lah kan. Pernah jugak suatu ketika dulu ha (sambil mengingatkan sesuatu dan menggoyang kaki) besar nama artis tu (sambil menunjukkan raut wajah yang sedih dan menganggukkan kepala) tapi takyah sebut lah dia pun dah takde kan (sambil menggoyangkan kaki). Kawan kenalkan lah (sambil isyarat tangan ke kanan) dia boleh cakap ape? “Alah, kalau dia nak berlakon suruh dia balik kampung jelah” (memek muka marah dan kecewa) *Uncle* dengar sampai sekarang (sambil menggayakan tangan ke telinga).

NASH: Oh (sambil mengangguk kepala dan muka bersimpati).

NSMN: Oh (mengangguk dengan muka simpati).

LZ: *Uncle* ni tak tahulah kelebihan Allah SWT bagi satu, mata dengan telinga (sambil menunjukkan mata dan telinga) jangan main.

NASH: Oh (mengangguk kepala).

NSMN: (Menganggukkan kepala).

LZ: *Uncle* akan nampak dan *uncle* akan cepat dengar. (sambil menunjukkan gaya melihat dan mendengar). Lagi satu ingatan Alhamdulillah. Kalau apa orang cakap tiga [3] bulan lepas pun Inshaallah *uncle* akan ingat. (sambil meletakkan tangan di sofa dan menggoyangkan kaki). Agak itulah kelebihan yang Allah SWT bagi tu. (sambil senyum). *So* [jadi] apa lagi? (memek muka teruja dan ketawa bersama-sama).

NASH: Jadi *uncle* bagaimana sokongan daripada kawan, keluarga dan orang sekeliling mengenai *uncle* yang menceburi dalam bidang lakonan?

LZ: Okey macam biasalah *family* [keluarga] okey (sambil meganggukkan kepala). Ada jugak segah -- *family* [keluarga] yang (terdiam dan berfikir) macam arwah makcik *uncle* dia pernah cakap ha (termenung) "kau boleh hidup ke berlakon tu". Dia kata (senyum dan mengalihkan arah pandangan) an. *So* [jadi] tak kisah lah pasal bende tu kita minat *uncle* tak cakap apa lah (sambil menggelengkan kepala dan memek muka tidak peduli). __ biasalah kita teruskan lah. Biasalah macam - *uncle* cakap tadi, kawan-kawan *standard* [biasa] lah. Kawan-kawan kebanyakan yang perli lah kan. Ada jugak yang menyokong (sambil menganggukkan kepala) ada yang perli (mengangkat wajah). Kadang-kadang bila kita keluar *extra* -- [tambahan] satu dua *scene* [babak] kat drama-drama tu, wuiii wuii pelakon datang wui pelakon datang. Tapi *uncle* taknak amik *port* [bahagian] tu semua [sambil menunjuk pada diri sendiri] sebab apa? niat *uncle* yang pertama *uncle* nak belajar (sambil menunjukan isyarat satu [1] dan pada diri sendiri) tu je. *So* [jadi], niat *uncle* yang pertama *uncle*

nak belajar lantaklah orang nk cakap apa, kau punya pasal. Okey dalam hati okey “satu hari aku akan tunjukkan siapa aku”. (sambil senyum). Walaupun tak sehebat pelakon-pelakon yang lain (menggelengkan kepala). Okey, setakat ni Alhamdulillah mungkin kalau diaorang datang balik mungkin lalu depan *uncle* tunduk atau diaorang boleh senyum lebar? (tersenyum dan menunduk muka ke sebelah kanan) (ketawa bersama-sama).

NASH: So [jadi]-- *uncle* macam mana *uncle* nak menangani pandangan negatif daripada kawan-kawan *uncle* ataupun orang sekeliling *uncle* yang banyak macam –

LZ: Banyak perli-perli? (sambil termenung).

NASH: Ha (sambil menganggukkan kepala) banyak perli *uncle*?

LZ: Ha (sambil berfikir)– macam *uncle* cakap tulah. Uncle punya *target* [sasaran] satu [1] je. Target dalam Bahasa Melayu, *Target* [sasaran] dalam Bahasa orang putih kan? (sambil tergelak dan memusingkan tangan).

NASH: (Angguk dan tergelak).

NSMN: (Mengangguk dan tersenyum).

LZ: Okey, (ketawa dan mengangkat tangan rendah). Satu je fikir (menunjuk diri sendiri) “kita nak belajar”. Itu je, lantaklah apa orang nak cakap, takde hal lah. Sama jugak kalau kita buat benda -- lain pon orang akan cakap benda yang sama jugak kan? So [jadi], pada zaman itu, *uncle* tak kisah yang penting, apa yang aku nak belajar (sambil menunjuk diri sendiri) tu je.

NASH: Erm – dalam –

LZ: (Sambil menghembus nafas) *so* [jadi] apa lagi?

NASH: - sebenarnya siapa yang memberi sokongan penuh kepada *uncle* masa *uncle* menceburi dalam bidang lakonan?

LZ: (Merenung ke hadapan) kalau masih bujang dulu, memang diri sendirilah kan (sambil beralih pandangan mata). Pasal masa -- *uncle* bujang lu, *uncle* punya -- _ yang paling kuat bola lah dulu. Zaman-zaman *uncle* lu ___ Bola lah kan (sambil senyum). Masatu lah kan. Sekarang baru ___ apa semua. Zaman *uncle* __ je. Kadang Sabtu Ahad *uncle* tak pergi mana (sambil mengalihkan pandangan). Masa zaman bujang (sambil menggerakkan jari ke kiri dan kanan) masa zaman bujang – bola je (sambil menggoyangkan badan sedikit). Sabtu Ahad – hari Ahad (sambil isyarat tangan) akan – main bola je. Hari - hari Ahad akan main bola je (sambil isyarat tangan). *So* [jadi] memang takde -- sape yang membagi (isyarat tangan) sokongan yang ha (sambil berfikir) begitu kuatlah yang mendorong (sambil gaya tangan menolak ke hadapan) kita untuk nak jadi pelakon. Cuma kawan lah _ lah pasal zaman itu *uncle* tak terfikirilah *boyfriend* [teman lelaki] *girlfriend* [teman wanita] ni (sambil menggeleng kepala) Sebab masa tu (sambil ketawa) *uncle* – *quite* [lebih] kepada sukan.

NSMN: Oh (mengangguk kepala).

NASH: (Mengangguk kepala).

LZ: Mana kawan-kawan yang -- dekat dengan *uncle* yang bersukan-sukan tu kan yang bola-bola tu le itu cakap le. Ha kadang-kadang sama ada bende tu perlu atau secara

tak langsung bende tu dia jujur (sambil mengalihkan pandangan pada kami). “Hei, minggu ni tak berlakon ke?” (sambil senyum).

(Menganggukkan kepala dan senyum)

LZ: “Eh, minggu ni tak berlakon ke?”. Ha (sambil senyum) tapi yang macam *uncle* cakap lah, *uncle* tak amik *port* [peduli] tu semua lah (sambil isyarat tangan). Yang penting cakap, okey aku nak belajar. (sambil menghalakan tangan pada diri sendiri). Itu je.

NASH: Jadi, masa *uncle* ceburi dalam bidang lakonan *uncle* selalu pulang ke kampung atau *uncle* menetap di Kuala Lumpur [Malaysia]? Bertemu kawan-kawan tu.

LZ: Eh, masatu dah kat Kuala Lumpur [Malaysia] dah.

NASH: Oh (menganggukkan kepala).

LZ: Ha masatu -- ha (sambil berfikir) masa *uncle* belum kahwin *uncle* dah berlakon dah (sambil isyarat tangan dan menganggukkan kepala). Ha masa *uncle* belum kahwin *uncle* dah berlakon dah. Masatu *extra* -- [tambahan] lagi lah kan. Selepas je *uncle* dah berumah tangga dengan -- arwah isteri *uncle*, yang pertama (sambil mengingatkan sesuatu) Ha (mengingatkan sesuatu) masatu *uncle* dah *start* [mula] dah, masa dah dapat dialog sikit (senyum). Dah dapat -- *part* [bahagian] satu [1] dua [2] *scene* [babak] yang berdialog masatu kan. Di - situ (sambil isyarat tangan) *uncle* gilap *uncle* punya lakonan dan *uncle* punya ha (sambil berfikir) tahap kemahuan untuk menjadi seorang pelakon yang bagus (sambil menunjukkan riak wajah semangat) sampai sekarang.

NSMN: Apakah pendapat *uncle* mengenai artis veteran pada ketika ini?

LZ: Macam mana? (sambil mendepankan badan dan menggoyang kaki).

NSMN: Apakah pendapat *uncle* (sambil membetulkan duduk) mengenai artis – veteran pada ketika ini?

LZ: Er (sambil meletakkan tangan di sofa) Apa? (sambil membetulkan duduk).

NSMN: Pendapat *uncle* ha (sambil menganggukkan kepala) mengenai artis veteran pada masa kini?

LZ: Pada masa kini? (sambil isyarat tangan).

NSMN: Ha (sambil menganggukkan kepala)

LZ: Kalau nak ikut pendapat, takde pendapat apalah cuma pasal diaorang dah veteran tu kitaorang harap ade pengganti jelah (sambil mengangkat bahu) gitu jelah kan? Ye kan?

NSMN: Erm erm (sambil menganggukkan kepala).

LZ: Ha (sambil senyum). Tapi (melentok kepala ke kanan) banyak jugak ha (berfikir) yang -- sama *age* [umur] dengan *uncle* yang sama-sama, yang pernah berlakon dengan *uncle*, masih berlakon lagi (sambil menganggukkan kepala). Ada --yang setengah tu mungkin tak berapa sihat (sambil menggoyang kaki) kadang diaorang malas lahkan. Ha bila – dah berumur macam ni ada gak sengah-sengah kadang nak gi *outstation* [bekerja luar] kadang diaorang taknak kan. Ataupun yang drama yang

mengambil masa lama-lama tu, mungkin diaorg taknak lah kan. Pasal mungkin -- sebab kesihatan ke ape ke kan? Ha (sambil mengangguk kepala). Ade juga yang senangkatan dengan *uncle* ada jugak yang masih -- berlakon sampai sekarang (angguk kepala) erm.

NSMN: Ha - _ kalau mengenai pelakon baru dengan pelakon veteran pada – pendapat *uncle* macam mana?

LZ: _ Bila -- tanya bende ni kita susah sikit nak cakaplah (sambil ketawa). Sebab apa? Sebab zaman-zaman *uncle* dulu ha (sambil menunjukkan tanga ke depan) bukan – maksud *uncle* (sambil tunjuk diri sendiri) pelakon sekarang ni tak – berbakat. Berbakat, tetapi zaman *uncle* dulu kitaorang takde *followers* [pengikut] (sambil senyum dan beralih pandangan). So [jadi], kitaorang takde *followers* [pengikut]. Kita bergantung pada bakat yang Allah SWT kurniakan sementara untuk pelakon-pelakon macam -- *uncle* lahkan (sambil senyum). Tapi, tu ah cakap bende ni kalau nak cakap sensitif (sambil menggoyang kaki) tapi takpelah kita tanya *uncle* tak sentuh sape-sape eh (sambil gaya tangan ke depan). Okey, beza dia pelakon dulu dengan pelakon sekarang, pelakon dulu yang macam *uncle* cakap, kite takde *followers* [pengikut] (sambil menggeleng kepala). Pelakon sekarang ni ada *followers* [pengikut] (senyum). Engkau boleh berlakon ke tak boleh berlakon ke? Janji *followers* [pengikut] kau banyak.

NSMN: (Mengangguk kepala).

NASH: (Mengangguk kepala).

LZ: So [jadi] bila *followers* [pengikut] dia banyak, orang itu akan diangkat sebagai pelakon utama (senyum dan menggayakan tangan). Abistu hero, *heroin* [watak utama perempuan]. Ini umum eh, *uncle* takde tujukan pada sape-sape. (sambil menggeleng kepala dan isyarat tangan tidak). Ha memang benda ni kenyataan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

(sambil menghalu tangan ke depan). an? Kita pun – tahu sekarang kan? Ha zaman teknologi sekarang. Zaman *uncle* takde. Zaman *uncle* tu kitaorang ha (sambil berfikir) berjuang sesama sendiri (terdiam seketika) dengki tu takde lah rasanya (memek muka berubah sedikit). Kalau – takde pun *uncle* cakap tipu lah (sambil menggoyang kaki). Ha mungkin dengki tu sepuluh [10%] peratus je (isyarat tangan). Sembilan puluh [90%] peratus tu semua kitaorang bagi galakan (isyarat tangan) dan pergi dengan bakat (menolak tangan ke depan).

NSMN: Erm erm (sambil melihat skrip soalan).

NASH: (Mengangguk kepala).

LZ: Zaman-zaman *uncle* dulu. So [Jadi]?

NSMN: Bagi pendapat *uncle* kalau penerimaan masyarakat terhadap artis veteran?

LZ: Erm (sambil berfikir) Zaman-zaman diaorang memanglah diaorang terima kan. – Sampai sekarang Alhamdulillah diaorang masih menerima lagi pelakon-pelakon veteran ini. Sebab *uncle* ni cakap terang-terang, *uncle* ni dia peminat kurang.

NSMN: (Mengangguk).

NASH: (Mengangguk kepala).

LZ: Sebab dia? tahu kenapa? (sambil menggoyang kaki dan tangan). Ha sebab *uncle* selalu banyak memegang watak jahat. (sambil tersenyum dan meletakkan tangan di sofa).

NASH: Oh (senyum dan mengangguk kepala).

NSMN: (Mengangguk kepala dan senyum).

LZ: Kalau *uncle* punya cerita tu seratus [100%], sembilan puluh [90%] peratus tu watak *uncle* semua watak jahat.

NASH: Erm erm (mengangguk kepala).

LZ: Erm kebelakangan ni baru diaorang bagi kata “bang boleh tak buat lawak-lawak sikit?” “Alamak, erk bolehlah” (sambil mengangguk kepala) nak cuba kan. Erm (sambil menggoyang kaki). - Tu Pasal *uncle* – kurang – peminat dia kurang, bukan takde peminat. Ade. Tapi peminat dia kurang. Sebab apa? Sebab kan kalau orang jahat ni tak suka. Ha arwah makcik *uncle* pun cakap (sambil menggoyang kaki) bila balik _ kampung. “Ha kau ni asyik jahat asyik jahat asyik jahat je” Dia kata. Pastu *uncle* cakap, “tu berlakon je” (sambil senyum). Kan *uncle* cakap kan.

NASH: Maksudnya lakonan *uncle* tu menjadilah dekat pandangan masyarakat?

LZ: Ya (mengangguk kepala) setakat ni Alhamdulillah lah banyak –

NASH: Memberi kesan?

LZ: Yes [ya]. Kesan tu sampai sekarang. Banyak jugak yang *uncle* pernah buat ha (sambil mengingatkan) lakonan yang jahat cara macam ni, yang jahat cara macam ni (gaya tangan ke kiri dan kanan) ada jugak yang terima sampai sekarang jugak

orang – terikut-ikut jugak. *So* [jadi] ada jugak yang *uncle* buat lawak lah tapi takde lah sampai (mengangkat tangan dari sofa) lawak tu hebat sangat kan. Ada jugak yang sampai sekarang terikut (meletakkan tangan balik ke sofa) contohnya macam *uncle* buat satu [1] filem ha (sambil berfikir dan menundukkan wajah) ‘Bini-Bini Ku Gangster’ (sambil senyum).

NASH: ‘Bini-Bini Ku Gangster’. (sambil senyum).

LZ: Ha (menganggukkan kepala) Sampai sekarang *uncle* pening (meletakkan tangan di kepala seperti gaya pening). Ape bende yang nak cari ni, sebab *uncle* keluar sikit je sebagai *guest* [tetamu] artis je. Sekali (terdiam seketika) tanya *director* (pengarah) boleh tak sebut macam ni (isyarat tangan). *So* [jadi] *uncle* sebut lah kan (sambil senyum). “*You are period*” [Awak datang haid] (sambil melakonkan semula).

(Ketawa bersama)

LZ: Ha sepatut *you are fired* [awak dipecat] (sambil senyum dan isyarat tangan ke depan).

NASH: (ketawa).

LZ: Tapi *uncle* pusingkan cakap (isyarat gaya tangan pusing). *Director* [pengarah] kata “okey boleh” (sambil menganggukkan kepala). Ha – sampai sekarang __ budak-budak yang umur dua belas [12] tahun pun kadang-kadang kalau jumpa pun kan, “*Uncle, you are period*” [Awak datang haid] (senyum dan menganggukkan kepala).

NASH: (Ketawa)

NSMN: (Ketawa)

LZ: Ha (senyum) tu satu. Lagi – satu ha (mengingatkan sesuatu) – masatu diaorang pun takde -- *popular* [terkenal] dan takde *top* [terbaik] sangat macam sekarang ni. – kumpulan Boncit [sic, Bochey].

NASH: Ha Bochey (mengangguk kepala).

LZ: Si ... *uncle* pernah berlakon dengan siapa yang kecik-kecik sorang tu? (sambil menggayakan isyarat tangan kecil). Ha (sambil berfikir) bukan Achey, sorang lagi tu?

NASH: Fad?

LZ: Ha Fad --. Dengan Fad pon sama jugak. Ha (sambil mengingatkan sesuatu) *Uncle* buat itu _ filem ke apa entah lupa (sambil mengingat sesuatu) sama jugak *uncle guest* [tetamu] satu *scene* [babak] je (isyarat tangan 1 jari). Masa yang *uncle* hantar kasut tukan (sambil menunjukkan ke kasut) Alamak, apa bende nak cakap ni ha. (sambil mengubah posisi tangan). Pastu *uncle* terdapat idea. *Uncle* cakap dengan dia (sambil menuding jari ke bawah) “Kau tahu tak apa cop kasut? (senyum) Dia tanya “ape?” Crocodiledende [sic, Crocodile] (ketawa). Ha (senyum) sampai sekarang budak-budak bila jumpe je “acik, kasut crocodiledende [sic, crocodile] dah siap belum?” (sambi ketawa). Ha *so* [jadi] kita nak cari bende-bende yang macam itulah susah.

(Menganggukkan kepala)

LZ: Ha kita nak cari benda-benda yang macam tu – yang susah. Walaupun *uncle* keluar satu *scene* [babak] kan? (sambil menunjukkan 1 jari). Tapi sampai sekarang budak-budak, budak-budak kecil boleh ingat. Kita nak mencari benda-bende yang macam tu – yang melekat dekat peminat-peminat memang susah. Ha (senyum) kalau setakat nak keluar contohnya *uncle* jadi hero (tunjuk pada diri sendiri) keluar seratus [100] *scene* [babak] benda sama jugak orang tak ingat kan? jadi nak mencari benda-bende yang macam gitu yang susah tu. Ha setakat ni Alhamdulillah lah - bolehlah terima. Macam yang baru ritu (sambil berfikir) *uncle* keluar ha (sambil berfikir) drama yang tiga puluh [30] episod tu ‘Bidadari Salju’.

NASH : Ha ‘Bidadari Salju’ (sambil menganggukan kepala)’

NSMN: Ha (mengangguk kepala).

LZ: ‘Bidadari Salju’ budak-budak kecil (menggayakan paras tinggi budak dengan tangan) dia – tak panggil *uncle*. “Bapak Kayra [nama watak di dalam drama Bidadari Salju]” (ketawa). Bila pergi je kan “eh bapak Kayra lah” (sambil senyum). Ha dia kite nak cari-- benda-benda yang macam gitu – supaya melekat dekat hati peminat tu susahlah. Ada tu ada, tapi susahlah. Ha lainlah kalau yang macam *uncle* cakap tadi kalau macam pelakon – yang banyak *followers* [pengikut] tu lain lah. Ha kan?

NASH : Tapi apa yang *uncle* - _ apa tu kira macam apa yang *uncle* buat macam yang jenis idea yang tetiba datang untuk – kelakar tu jadi yang _.

NSMN: Diterima?

NASH: Ha (sambil menganggukan kepala) diterima oleh masyarakat, jadi orang ingat *uncle* daripada *scene* [babak] yang macam tu.

LZ: Ha itu pasal yang -- *uncle* cakap tadi tu. Kita -- tak -- semestinya bila kita keluar ha (sambil berfikir) sesuatu drama tu ha macam contohlah macam *uncle* keluar seratus [100] *scene* [babak] tapi orang tak ingat pun. (Sambil menghala tangan ke kanan). Walaupun macam *uncle* cakap, *uncle* keluar *guest* [tetamu] satu *scene* [babak] kan? tapi sampai sekarang orang ingat lah. Alhamdulillah lah. Tapi nak mencari bende-bende yang macam itu (sambil meggoyang kaki) ha sampai – masa sekarang ni buat masa sekarang ni. *Uncle* rasa tak ramai ada pelakon-pelakon yang macam tu (sambil geleng kepala).

NASH: Betul.

LZ: Tak ramai ada pelakon-pelakon macam tu. Macam (sambil befikir) -- contoh ada dia ada benda ha (berfikir) macam jahat ape _ okey *uncle* buat cara *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) dia buat cara dia (gaya merujuk kepada seseorang). Ada cakap emm “bang dia tu pelakon jahat abang pelakon jahat” *Uncle* cakap senang je. “Dia buat cara dia (gaya merujuk seseorang) aku buat cara aku” (menunjuk pada diri sendiri).

NASH : Faham.

LZ: Ha kan. Masing-masing setiap manusia ni ada kelebihan masing-masing. Sama jugak pada diri *uncle*. Pelakon pun macam tu jugak. Setiap pelakon ada kelebihan masing-masing. ko buat hal ko (menghala tangan ke depan) aku buat hal aku (sambil menunjukkan pada diri sendiri). Ha (sambil isyarat tangan).

NSMN: Pada pendapat *uncle*, *uncle* pun dah lama dalam bidang lakonan. Jadi ada ke perbezaan layanan antara pelakon baru dengan pelakon veteran?

LZ: Wo ini lagi sensitif ni (ketawa).

NSMN: (Ketawa).

NASH: Secara *general* [umum] je (ketawa).

NSMN: Ha (ketawa dan mengangguk kepala).

LZ: (Ketawa) Okey dia -- layanan ni (terdiam) macam *uncle* cakap lah tadi manusia kan. Okey bukan semua *producer* [penerbit], bukan semua ha (berfikir) *production* [penerbit] yang macam tu (isyarat tangan ke depan). Ada yang *production* [penerbit] yang terlampau okey sangat. An, kadang-kadang kita belum habis *shooting* [penggambaran] pun *payment* [bayaran] dah bagi. Ada yang *production* [penerbit] macam tu. So [jadi] ada yang – *producer* [penerbit] yang biasa-biasa tu *standard* [biasa] lah kan ha kan? Macam yang *uncle* cakaplah. *Uncle* tak umum (sambil menunjukkan tangan ke depan). Tak – tuju, tapi umum lah. Macam *uncle* cakap tadi kan. Okey ha (berfikir sesuatu) – ada *production* [penerbit] tu terlampau okey sangat. Ada yang *production* [penerbit] tu biasa-biasa je. Ada *production* [penerbit] tu tak berapa nak biasa pun ada. (sambil geleng kepala). Ha *standard* [biasa] lah tu benda -- tu kan -- di mana-mana pun kan? Perbezaan dia -- melayan orang veteran dengan orang yang baru. Erm kadang-kadang pernah jugak macam _ pernah jugak (mengangguk kepala) pergi dekat *set* [tempat penggambaran] kan? dia tak *make up* [solek] kita. Contohlah kan *production* [penerbit] tu dia tak *make up*[solek] kita (sambil geleng kepala dan wajah muram) Tapi *uncle* ni jenis tak kesah (menggeleng kepala) pasal *uncle* ni (menggoyang kaki) cakap terang-terang mulut jenis jahat jugak. Maksud dia jahat – masa jahat bila kau usik (sambil tunjuk jari). Bila kau usik dia akan keluar (sambil isyarat tangan ke mulut). Bila tak usik *uncle* cam ni lah (geleng-geleng kepala) *Uncle* (ketawa besar) (senyum dan goyang kaki) macam gitu je ha (senyum). Pernah jugak kan, dalam hati “alamak oh dia *make up*[solek] hero dengan heroin jelah (menurunkan tangan ke bawah). Pernah

cakap dengan kawan (gaya memanggil kawan) ‘kot dia ada *make up*[solek] kau tak?” “takde” (senyum). Ada jugak benda -- macam tu (sambil meletakkan tangan di sofa). Tapi kadang *uncle* tak amik *port* [peduli] lah tu (isyarat tangan ke depan). Yang penting (ketawa) – apa yang *producer* [penerbit] panggil okey kita dah buat yang terbaik (sambil tunjuk diri sendiri) untuk dia (gaya tangan merujuk kepada seseorang) itu je. Itu _ _ *uncle* cakap lah _ manusia kan (sambil mengangguk kepala). Setiap manusia macam -- perangai (sambil menghala tangan ke depan). *So* [jadi] kite kene tempuh tu (sambil isyarat tangan ke depan). *Uncle* masuk dalam bidang lakonan ni, *uncle* fikir satu (terdiam). Macam makan sambal belacan.

NSMN: Oh (senyum).

NASH: Oh (mengangguk kepala).

LZ: Walaupun pedas kau tetap nak makan (sambil gaya tangan).

NASH: Betul.

LZ: Ha bila kau masuk dalam bidang ni (sambil isyarat tangan ke depan) kau dah tahu dah (senyum) ha (sambil berfikir) _ macam contoh *uncle* bagi macam banjir lah (sambil menunjuk jari ke depan). Kau dah tahu banjir kau nak rempuh jugak bende tu (gaya tangan ke depan dan senyum). Ha sama jugak ini pada diri *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) pada diri orang lain *uncle* tak tahu lah (sambil menggoyang kaki). Pada diri *uncle* kau dah tahu benda ni akan (sambil menunjukkan jari ke depan) jadi macam ni (sambil menoleh pada kami) --. Bila kau nak pergi jugak, kau kene tanggung lah (senyum). *So* [jadi] benda -- tu Alhamdulillah. dapatlah *uncle* buang -- (sambil gaya tangan menepis kiri dan kanan). Alhamdulillah sampai sekarang masih lagi berlakon (mengangguk kepala), masih lagi dipanggil, masih lagi kawan-kawan yang kenal tu masih lagi hello-hello (sambil angguk kepala). “ini bila nak keluar ni?” (ketawa bersama dan gaya tangan

ke depan). Sebab apa kalau nak ikutkan -- jadual, jadual *uncle* Alhamdulillah daripada sekarang ni sampai tahun depan full [penuh].

NASH: Full [penuh]. (mengangguk kepala) Alhamdulillah.

LZ: Alhamdulillah lah. Masih lagi. Macam -- *uncle* cakap tadi. Setiap manusia ada (sambil menganggukkan kepala) kelebihan masing-masing dan sama jugak setiap pelakon ada kelebihan masing-masing. Kau buat cara kau, *uncle* buat cara *uncle* (sambil menunjuk diri sendiri). Itu je. Emm.

NASH: Macam dekat set [penggambaran] macam mana *uncle* nak dapatkan chemistry [persefahaman] antara pelakon baru dengan *uncle*?

Lz: (Sambil menggosok hidung) dia ha (sambil berfikir) okey pelakon lama dah tentulah dia -- akan jaga bende-bende tu. Tapi pelakon baru ni bukan semua (sambil membetulkan baju). Pelakon baru ni ha kadang-kadang bile kita pergi dekat set [tempat penggambaran] jadi anak *uncle* pun. Bila __ sape jadi anak aku ha? "dia ni". "Eh tadi lalu depan tak tegur pun". Contoh (sambil gaya tangan ke depan). Tapi ada sengah-sengah pelakon baru tu "ja - jadi bapak saya ye?". (sambil menuding jari ke depan, pada diri sendiri dan senyum). "Uncle jom kite *rehearsal*" [latihan]. (senyum) ada yang jenis macam tu. __ macam *uncle* cakap tadi lah manusia biasa kan. Ada yang __ bila nak masuk set [tempat penggambaran] je sape anak gua ha? Uncle selalu dekat set cakap gua. "Sape anak gua?" "dia" (sambil menuding jari ke depan). "Eh tadi lalu diam je cakap". (sambil goyang kaki). Bila nak masuk set baru nak *rehearsal* [latihan]. Ade jugak yang jenis macam tu (sambil mengangguk kepala). Ha (sambil menganggukkan kepala) kan, ada -- yang jenis terlampau okey sangat, ada yang jenis tak berapa nk okey. Tu *standard* [biasa] tu manusia. Macam yang *uncle* cakap tadi, *uncle* dah tahu bende ni akan -- berlaku. Bende ni akan berlaku (terdiam) so [jadi] *uncle* tetap tempuh jugak. Sebab apa? Tadi mungkin lah mungkin bakat tu di situ. Dan kalau -- bakat tu ada pun tapi kalau kemahuan kite

takde, tak jadi jugak. Sebab mungkin *uncle* dua-dua sekali. Bakat tu memang dah ada kat situ, kemahuan *uncle*, tempuh jugak (isyarat tangan). Walaupun bende tu bahaya *uncle* pergi jugak (sambil gaya menolak tangan). Maksud dia macam tu Alhamdulillah sampai sekarang.

NSMN: Pada pendapat *uncle*, apakah yang dimaksudkan dengan dunia lakonan?

LZ: Dimaksudkan dunia lakonan? (sambil berfikir). Ha (reaksi keliru) ni *uncle* kurang faham ni (sambil mengangguk-angguk kepala). Ini Bahasa-bahasa UiTM [Universiti Teknologi Mara] ni (ketawa). Susah nak faham ni.

NSMN: Ha (ketawa sambil memberi microphone [pembesar suara]).

LZ: Ha apa tu apa tu? (ketawa).

NASH: Kiranya sepanjang *uncle* berlakon dalam bidang lakonan ni ape yang *uncle* nampak dalam bidang lakonan ni. Macam (berfikir) *uncle* kan dah berlakon lebih daripada 40 tahun. Jadi pendapat *uncle* pasal dunia lakonan ni, Ape itu sebenarnya dunia lakonan? Bagi pendapat *uncle*?

LZ: Okey – macam *uncle* cakap tadi. Pertamanya mungkin bakat *uncle* dah memang dekat situ. Sebab apa? Sebab _ dulu *uncle* pernah kerje. Uncle pernah keje (sambil berfikir) awal tahun lapan puluh-an [80] dulu *uncle* pernah bekerja dekat Toshiba Sell & Services. So [jadi] *assistance store keeper* [pembantu penyimpanan stok]. Masa *first* [pertama] _ tahun lapan puluh enam [86] tu (sambil isyarat jari). *Uncle* berhenti kerje. So [jadi] *uncle* berhenti kerje daripada lapan puluh enam [86] *uncle* terus *all out* [keluarkan semua]. Tapi sebelum tu *uncle* dah – *shooting* [penggambaran] lah (sambil mengangguk kepala). Masatu *part* [bahagian] _ _ lah. Jadi *extra* [tambahan] sikit-sikit lah. _ betul -- *uncle* _ _ yang *first* [pertama] _ dulu

kalau ingat tahun lapan puluh enam [86]. *Uncle* berhenti kerje daripada situ sampai sekarang *uncle all out* [keluarkan semua] berlakon (sambil tangan menolak ke atas). Sebenarnya (terdiam) boleh – bidang lakonan ni. Macam yang *uncle* cakap tadi lah. Okey, Allah SWT tu dah bagi kelebihan kita, pinjaman bakat untuk (melentok kepala ke kanan) kita sekejap. *So* [jadi], kite gunakanlah yang sebaik-baiknye (sambil menggoyangkan kaki). Tu lencong-lencong sikit tu *standard* [biasa] lah kan (ketawa). Lima [5] *percent* [peratus] lencong-lencong sikit tu *standard* [biasa] lah kan ha [ketawa]. *So* [jadi] -- kalau macam mane itu berbakat pada diri sendiri (isyarat tangan) *so* [jadi] kalau kite gilapkan. Okey dia akan – pergi lebih cantik (isyarat tangan). Contoh dia (menunjuk jari ke depan) bukan nak kate baik, contohnya sampai sekarang. Sampai sekarang *uncle* berlakon lagi walaupun dah empat puluh [40] tahun lebih, okey masih berlakon lagi tetapi _ *uncle* rasa kalau bakat *uncle* tak – di situ dulu, mungkin empat [4] lima [5] tahun dah habis kot kan.

NASH: *Uncle* komited dengan kerjaya *uncle*.

LZ: Yes [ya]. – sebab apa? – sebab *uncle* fikir ha (sambil isyarat tangan) *uncle* boleh pergi. *Uncle* boleh pergi jauh (sambil menunjukkan tangan ke depan) _ okey macam *uncle* cakap lah tadi (sambil mengetuk jari) kalau bakat *uncle* tak boleh pergi jauh, kalau bakat *uncle* tak digilap dengan begitu baik mungkin dalam lima [5] enam [6] tahun *uncle* mungkin *uncle* dah kerje kontrak agaknya lah. Ha kan, buat rumah ke kan (ketawa). Ha kan -- (ketawa). Tapi Alhamdulillah lah mungkin bakat *uncle* tu boleh lah -- nanti orang kata *uncle* “- ape masuk bakul kan?” Boleh dikatakan besarlah (gaya tangan besar). Tapi bakat tu besar – kite gunakan dengan cara yang betul lah (Sambil mengangguk kepala). Ha janganlah kalau bakat tu besar kau gunakan cara lain (sambil gaya tangan pusing ke depan). Bile – kau gunakan cara lain tu yang macam *uncle* cakap tadi (sambil menunjukkan jari kedepan) sepatutnya kau boleh bertahan sepuluh [10] tahun, lima [5] enam [6] tahun ko dah habis dah (sambil gaya tangan habis). Sebab ape? sebab bakat ko tu kau dah gunakan ke lain (sambil gaya tangan ke depan) kan? (sambil menganggukkan kepala).

NASH: Okey, sepanjang *uncle* berlakon *uncle ade tak join* [sertai] dalam mana-mana *group* [kumpulan] teater?

LZ: Yes [ya] (sambil mengangguk kepala) itu satu soalan yang baik. Sebenarnya (sambil senyum) banyak pelakon-pelakon yang bagus sekarang ni di Malaysia ni semua datangnya daripada teater (senyum). Okey, *uncle* pernah masuk *group* [kumpulan] teater, *uncle* pernah masuk *group* [kumpulan] 'Hidayah'. Dato'Jalaluddin Hassan [Dato'Jalaluddin Bin Hassan, pelakon Malaysia] satu *group* [kumpulan] dengan *uncle*. 'Teater Hidayah'. Dan – ramai lagi. Ha abistu *uncle* pernah ha (sambil berfikir) masuk *group* [kumpulan] 'ASWA' Taman Dato Harun.) sambil melirik pada jurukamera dan ketawa). Taman Dato Harun *group* [kumpulan] Aswa. So [jadi] *uncle* pernah belajar 'Bangsawan' dengan tokoh 'Bangsawan' _ _ _ (sambil gaya menghitung jari) So [jadi] *uncle* pernah belajar silat dengan arwah Pak Engku Rahmat [pengajar silat] masa kat KBN dulu, sekarang ni ASWARA [Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan]. Ha sebenarnya kalau – nak jadi pelakon, seorang pelakon yang bagus dan seorang pelakon yang boleh bertahan lama. Contoh, bukan nak cakap apa okey macam *uncle* kene masuk teater. Sebab teater tu akan mengajar kite semua. Teater tu akan mengajar kite tentang disiplin, tentang lakonan tentang segala-galanya ada dalam teater (isyarat tangan ke depan). Tapi macam *uncle* cakap lah kebanyakan budak-budak sekarang ni, die takde. Dia banyak nak bergantung pada *followers* [pengikut] (senyum). Ha kan? ha sekarang nilah. Itu – pandangan masing-masing. Kalau -- nak bagus, kalau seseorang tu nak bagus, nak -- bagus, kena masuk teater (sambil gaya tangan ke depan). UiTM [Universiti Teknologi Mara] pun ada teater kan? (sambil mengangguk kepala).

NASH: (Mengangguk kepala)

LZ: Ha diaorang -- masa zaman-zaman *uncle* pernah berentap dengan diaorang jugak tu. Sebab ape? sebab diaorang (ketawa) memang diaorang bagus (senyum). Sebab ape? sebab kadang-kadang kitaorang ni (sambil menunjukkan diri sendiri)

kitaorang bekerja (sambil menoleh pada kami). Ye bekerja kadang-kadang tu. Jadi masa budak-budak *student* [pelajar] dekat situ (sambil meluruskan tangan). So [jadi] pagi petang (ketawa) contoh pagi, petang, siang, malam diaorang berlatih -- (senyum). So [jadi] bende yang diaorang nak tu semua ade. Ha kan? Tapi kita orang pernah -- jugak berentap dengan diaorang dalam teater kan. Ha memang bagus-bagus diaorang tu (sambil senyum dan mengangguk kepala). Ha itu semua mana macam -- *uncle* cakap lah yang ade kalau -- kite tengok sekarang ni, mana yang pelakon-pelakon yang boleh bertahan sampai sekarang ni ha tu semua -- daripada teater (gaya tangan depan dan senyum). Ermm (angguk-angguk).

NASH: Jadikan *uncle*, sepanjang *uncle* dalam bidang lakonan ni macam _ _ ni, pengenalan diri *uncle* tadi. Nama *Uncle Zailan Kamaruddin Bin Lan*. Jadi macam mana tercetusnya nama *Lan Zailan* tu?

LZ: Yes [ya] (sambil membetulkan duduk dan menggosok hidung) ini _ baik ni. Lan Zailan ni ha (sambil berfikir) masa dulu (sambil mengalih pandangan pada kami) arwah Syukri Hasyim [Shukery Hashim, pelakon] (sambil menanggukkan kepala) ha kenal kan? pelakon hebat masa tu *uncle* tengah (sambil melihat ke bawah dan mengingatkan sesuatu) nak buat *show* [petunjukan]. Masatu *uncle* dengan Teater Hidayah (sambil gaya tangan). Ha kalau tak silap *show* [petunjukan] tu lagi dua [2] minggu ke tiga [3] minggu (sambil meletakkan lengan di sofa). Keluarlah dalam surat khabar (menggayakan tangan seperti surat) ha (sambil berfikir) pelakon dia contoh Jalaluddin Hassan. Masatu belum Dato' lagi. Jalaluddin Hassan, Azman Jantan [pelakon Malaysia], Nurhayati ape semua lah Ibrahim ape semua termasuklah Zailan Kamaruddin Bin Lan (gaya membaca). Dia letak name penuh. Woo pelakon-pelakon dia (sambil menggosok mata) tu cakap dengan dia. Masa tu ha *uncle shooting* [penggambaran] drama RTM dengan dia, dengan arwah. *Shooting* [penggambaran] dengan dia kalau tak silap tajuk dia di -- 'Di Mana Abang Tuah'. Tak silap masatu dekat RTM. Sama-sama lah pergi *rehearsal* [latihan]. Ha -- pengarah dia pun dah meninggal yang _ pun dah meninggal. Sama-sama lah masa berlatih-latih, Bang saya lama betul lah ni cari nama ni (sambil berkerut dahi). Saya letak Z Kamaruddin, K Zailan, Zailan _ tak boleh jadilah (sambil menggeleng

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

kepala dan gaya seperti membaca). Cuma – dia cakap ape tau? Die kate “Cuba ko amik Lan ni ko letak depan Kamaruddin tu kau buang” (gaya menolak tangan). So [jadinya] -- Lan Zailan. So [jadi] orang yang meletakkan nama Lan Zailan sampai sekarang ha dipanggil Lan Zailan ni (senyum) arwah abang Syukri Hasyim. _ dia – yang meletakkan nama tu. Kalau tak *uncle* pening (sambil meletakkan tangan di dahi seperti gaya sakit kepala) nak cari (senyum) Zailan Kamaruddin Bin Lan. Nak letak ape ha? (gaya membaca). Z Kamaruddin? K Zailan? (sambil mengangkat wajah) tak jadi! So [jadi] “cuba ko amik Lan ni letak depan, Kamaruddin ni ko letak tepi (sambil menolak tangan ke kanan). Abistu *uncle* gurau dengan dia, “cantik bang Lan Zailan ni”. Abistu *uncle* pun gurau dengan dia anak mithali lah kan? nama bapak letak depan. (ketawa bersama-sama). Ha itulah (sambil menunjukkan telapak tangan) jadinya Lan Zailan sampai sekarang rasanya ha bukan sombong lah bukan di Malaysia lah di -- dunia pun takde (menggeleng kepala). Satu je rasanya (sambil menunjukkan 1 jari) Lan Zailan.

NASH: Ha betul (ketawa).

LZ: Ha kan? (sambil muka teruja). Bukan -- di Malaysia, di dunia satu je _ Lan Zailan. Ha gabungan.

NASH: Jadi *uncle start* [mula] guna nama Lan Zailan ni masa _ menjadi pelakon dalam drama atau filem ataupun *uncle start* [mula] daripada teater?

LZ: Ha (keliru dengan soalan yang dtanyakan) -.

NASH: Menggunakan nama Lan Zailan.

LZ: - Selepas dibagi nama. Selepas arwah tu bagi nama. Selepas arwah tu bagi nama, *uncle* tak ingatlah tahun berapa agaknya. Masa tu tahun – lapan puluh]80]-an jugak

lah (sambil menganggukkan kepala) rasanya. *Uncle* tak ingatlah tahun berapa tapi memang masatu sama-sama *shooting* [latihan] dengan arwah tu dekat RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Masatu pun *uncle* jadi dapatlah *part-part* [bahagian] kecik-kecik, dapatlah *part-part* kecik (sambil menggosok tangan). Dua [2] – tiga [3] scene [babak]. Ha masatu diaorang dah hero-hero lah. Hero-hero besar-besar semua tu (senyum dan tepuk tangan). Masatulah dia – cakap. Tapi dia memang, arwah tu memang seorang yang peramah dan seorang yang kelakar pun. Kalau tengok muka an? Ha dia memang seorang yang peramah seorang yang kelakar. Tu yang Tanya dia, bang macam mana ha? Dia – yang menyusunkan nama tu (sambil isyarat tangan). Jadi Lan Zailan. Sampai sekarang sejak daripada - haritu *uncle* cakap okeylah bang, saya pakai nama ni (sambil menganggukkan kepala dan isyarat tangan) “kamu pakailah” dia kata. Ha sejak – daripada haritu sampai sekarang ni *uncle* pakai Lan Zailan. *So* [jadi] ape lagi?

NSMN: (Ketawa) macam yang *uncle* cakap tadi, *uncle* kan dah lama dalam bidang lakonan semua kan. Contoh kalau *uncle* dapat satu [1] watak tu, macam mana kalau *uncle* nak menghayati watak tu biar watak tu menjadi?

LZ: (sambil menggosok hidung) dia ha (berfikir) menghayati watak ni dia masing-masing punya cara (sambil membetulkan baju). Masing-masing punya cara, *uncle* pernah (gaya tangan ke depan) tanya orang ni, pelakon-pelakon sesama. Dia macam ni -- (sambil gaya tangan ke kanan). *So* [jadi] ha (berfikir) pasal watak *uncle* – kebanyakannya watak – yang paling senang watak jahat (sambil menunduk wajah). Watak jahat -- kadang – kita tak payah – kita tak payah hayati lah (sambil menggeleng kepala). Ha (sambil menunjuk jari ke depan) orang duduk diam-diam kite tolak kerusi pun (gaya tolak) “eh, kuang ajar dia ni”. _ jadi watak – jahat ni memang – lah sinonim lah dengan *uncle* (sambil raut wajah berkerut). Macam *uncle* cakap tadi kalau seratus [100] filem *uncle* eh *drama* *uncle* Sembilan puluh [90] dia jahat. Ha sebenarnya boleh, pasal asas kite daripada teater tu kite dulu bercakap dengan dinding, bercakap dengan cermin. Takde masalah, sekarang pun nak suruh menangis kite boleh menangis. Asas bende tu ada pada kita. Tetapi jiwa *uncle* (menunjuk diri sendiri) kuat kepada jahat. Ha bukan di luar lah – di dalam drama

lah kan (sambil mengangguk kepala). Ceh, di luar pun jahat jugak lah tapi kalau bayar lah. Eh (ketawa bersama-sama). Takdelah itu gurau je kan. Ha – menghayati watak tu cara masing-masing. Ha tapi sebenarnya kalau nak ikut kan jiwa ha lagi halus (sambil memandang kami). Ha – *uncle* lagi cepat menangis daripada marah (senyum). Sebab _ *uncle* lagi cepat menangis daripada marah. Tetapi kene belajar _ ada teknik-teknik dia lah kan. Itu pasal tadi *uncle* cakap okay kalau macam yang pelapis-pelapis ni, yang baru-baru ni kalau nak kan lebih bagus, boleh bertahan lama macam *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) dan jugak rakan-rakan *uncle*, satu angkatan dengan *uncle* yang -- masih lagi ha bertahan masih lagi berlakon kau kene masuk teater (sambil gaya tangan ke depan). Kau kene masuk teater. – dalam teater tu macam-macam dia akan ajar kita, tapi kene tahan _ . Ade ha – *uncle* pernah (ketawa) dapat pengarah yang baling skrip (ketawa) Aduhh _ “ape ni tum” (gaya membaling). “dia baling skrip” so [jadi] dia cakap yang bukan-bukan. So [jadi] *uncle* fikir satu. Masatu pup (mendepankan badan) ternaik jugak lah kan. Tapi terfikir, okey takpe lah kan “aku nak belajar (senyum) aku nak belajar”. So [jadi] dah lepas minggu depan tu jumpe kawan-kawan lain balik, kawan-kawan – lain _ Kawan-kawan lain cakap ape tau “manusia, macam-macam perangai”. So [jadi] dapat pulak lagi satu, macam contoh kalau dapat dengan (ketawa) _ Pak Rahman B [Rahman B, Tokoh Bangsawan] kan? Allah, lagi senangnya (senyum). Kalau macam *uncle* dengan Bangsawan dengan – Pak Rahman B kan? Tokoh Bangsawan Negara. Lagi senang. Okey di bagi je watak. “Okey sekarang kau jadi Hang Tuah. Kau jadi Hang Jebat, kau jadi Hang Kasturi. Pandai-pandailah kau tiga [3] orang berdialog (sambil membetulkan baju). Ya Allah senangnya. Ha itu kita dapat yang senang (senyum). Jadi, okey daripada situ *uncle* banyak belajar. Oh manusia, dia ni macam ni --.

NASH: Jadi maksudnya masa *uncle* berlakon dalam teater tu memang skrip tu tak semua mestinya ada ye? Ade yang boleh buat ayat sendiri? Ke macam tu?

NSMN: Spontan?

NASH: Ha spontan?

LZ: Ha spontan.

NASH: Lebih kepada spontan?

LZ: Ha spontan. Dia -- sebenarnya kalau nak ikutkan ada yang tak boleh. -- macam yang uncle *cakap* terang-terang. *Uncle* kalau berlakon teater (senyum) ha yang tengah-tengah tu memang uncle elip lah. Tapi macam yang tak boleh elip kita tak boleh buat apa. Macam contoh kalau macam sejarah, ape fakta, fatuah yang tu memang kalau tak boleh, yang tu -- memang tak boleh nak elip lah. Ha tu yang pasal (sambil meletak tangan di kepala dan gaya membacaa) kalau duduk dekat skrip tu berejam-rejam dekat situ je *point* [isi] dia. Sebab apa? Sebab itu ha sejarah, fakta ha faktuah. Yang tu memang tak boleh dialih. Macam kalau __ sejarah 1943 (gaya membaca) kene sikit lah. Kadang-kadang yelah kita pelakon pandai-pandai lah kan. Kadang-kadang kite tulis dekat tapak tangan je (sambil gaya menulis di tangan). Okey -- ha (melihat tapak tangan) ingat dah. Ha (senyum). Kalau macam benda -- lain, macam kalau cerita pasal -- meja, pasal kosi, pasal TV. Itu kita boleh elip lah kan. Pasal lori, pasal bas boleh. Ha _ tapi ade bende yang kite tak boleh elip. Ade sengah-sengah pengarah tu dia memang tak suka. Ha dia memang tak suka. Tapi *uncle* kebanyakan dapat pengarah-pengarah yang biasa kan. __ bang ni saye elip eh? “Boleh elip, tapi elip yang betul tau”. Dia kate. Ha (ketawa) Kalau macam -- yang *uncle* cakap tadi yang tak boleh elip yang macam tu. Kalau macam sejarah, fakta, fatwa yang tu memang tak boleh elip (menggeleng kepala) memang kau kene ikut _. Ha tu yang kadang-kadang kat situ, kat rumah kan (sambil meletakkan tangan di kepala) *target* [capai] itu je kat rumah skrip. Baca itu je ulang kali (sambil menggayakan cara membaca). Ulang kali -- kan. Tetapi, teater ni satulah kelebihan dia, Kalau macam dulu, kalau macam dulu-dulu kita dekat belakang tirai tu (menggayakan tirai) kita ade juru -- bisik dia (senyum). Ha kalau macam sekarang pun sama lah jugk kalau macam dekat TV kan? __ “kak kak bang bang sekali lagi” kita boleh tengok (gaya membaca). Tetapi pengalaman ha di --

teater tu membawakkan kita okey Alhamdulillah lah buat masa sekarang ni okey tengok sekali Alhamdulillah lah boleh lepas. Macam *uncle* cakap lah – pasal cerita dia cerita senang. Okey kite cerite pasal – meja, pasal kerusi okeylah kan. Ha kan? Ha okay bercerita pasal itu lah . Jadi kalau macam – bila masuk, alamak ni kene masuk sejarah ni. Ha tu benda -- macam tu memang kita tak boleh nak elip lah kan. Memang kita kena ikut betul -- lah (sambil menganggukkan kepala). Ha, ada sengah pengarah tu memang dia tak suka (menggelengkan kepala). Setengah pengarah memang dia tak suka (geleng kepala) elip langsung. Kalau nak pulak dia sendiri yang buat skrip tu. Kalau dia kate “aku nak pergi sini” kau kene ikutlah aku nak pergi sini jugak. Tak boleh kata “saya nak pergi sini”. Dia kena ikut jugak. Ha ada – yang jenis pengarah macam tu. Tapi kalau dia jenis pengarah yang senang macam *uncle* cakap tadi kan? Cerita pasal kerusi _ “ehh asal kerusi tu putih ha dulu hitam?” Ha takpe (senyum). Tapi kalau dia kata ada sengah pengarah tu taknak. “aku nak kau sebut hitam jugak”. Alamak, kene sebut hitam lah apasal kerusi tu hitam haa? Kalau kite sebut putih. “dalam skrip kan dia - sebut hitam” (sambil gaya menunjuk skrip). Ada sengah-sengah macam tu (senyum). Ha tapi kita -- kena amik lah semua tu. Macam *uncle* cakap tadi (menunjuk jari ke depan) pengalaman daripada teater ni banyak mengajar kita supaya kalau kita dapat _ oh ni tak boleh. Eh ni pengarah dia sape ni? Oh ni pengarah ni tak boleh. Pengarah ni dia strict [tegas]. “ha kau kene sebut, kalau dia kata meja tu nak putih okey kau kena sebut putih jugak. Kau tak boleh sebut hitam ataupun kau tak boleh sebut meja je. Kau kene sebut eh meja putih lah” (senyum). Kene sebut macam tu. Ha kalau -- sengah pengarah takpe. “Bang saye sebut meja je”? “tak kesah janji engkau sebut meja”.

NSMN: Ha (mengangguk kepala).

LZ: (Senyum dan goyang kaki)

NSMN: Pada pendapat *uncle*, apakah perbezaan set penggambaran dulu dengan sekarang?

LZ: Ha (sambil menggoyang kaki) memang ade perbezaan lah. Maksudnya sekarang ni di mana ni? Di --teater ke ataupun ha drama ke filem ke? Macam mana? (ketawa).

NSMN: Kalau semua tu?

LZ: Semua tu?

NSMN: Ha (mengangguk kepala).

LZ: Memang ade beza. Kalau macam dulu, masa zaman-zaman *uncle* berteater dulu. Ha *uncle* pernah buat *group* -- [kumpulan] kitaorang pasal dulu kitaorang bekerja. Kitaorang bekerja (Senyum) hari minggu tu kitaorang pernah pergi kat lombong-lombong. Pergi cari kayu, cari papan. Zaman-zaman kitaorang kan? masatu *sponsor* [penaja] takde. Kalau *sponsor* [penaja] pun gaji kecik jetukan. Kita boleh tampal sikit-sikit lah kan. *So* [jadi] pakat geng-geng ni kita pergi kat lombong-lombong. Kan dulu banyak lombong-lombong terbuang. Mana yang ada van tu bawak lah gergaji bawak - lah -- *hammer* [penukul] ape semua lah kan. Okay cari papan-papan tu (sambil tangan menggayakan papan). Okay kita bawak set [tempat penggambaran], kite cat cantik-cantik. Ha itu pengalaman.

NSMN: Oh (senyum dan mengangguk kepala).

LZ: Ha tapi sekarang - ni -- senang lah. Sekarang ni kadang-kadang ade jabatan-jabatan tu yang – ade duit sikit takde masalah. *Sign* [tandatangan] cek je dah boleh beli barang dah kan? Pergi *hardware* [perkakasan] dah beli barang dah kan? ha senanglah. Beza dia itulah be-beza dia dulu itulah kitaorang ha kitaorang men - mencarilah ben-de-bende tu. Ha macam, kalau macam yang _ sofa itu tak boleh memang kene bawak daripada rumahlah kan. Kadang-kadang kite sewalah daripada kawan-kawan jugak. Eh sewa lah cakap, eh kit-kita nak buat teater ni dua [2] malam

an. Ha sewalah murah-murah dengan dia (senyum). Kalau macam set -- dinding-dinding ke untuk rumah ke ha kadang-kadang kite carilah. Carilah mana-mana dekat tepi-tepi jalan tu ade papan-papan buruk-buruk tu kan? potong cantic-cantik, pasang-pasang pastu cat (menggayakan cara mengecat) cantik lah dia (senyum).

NASH: Maknanya masa zaman dulu, masa zaman *set* [penggambaran] tu pelakon sendiri yang sediakan barang? Bukannya dari pihak produksi? Ataupun ha?

LZ: Yang ini di teater.

NASH: Oh di teater.

LZ: __ Ha kalau -- macam -- buat drama swasta tu semua diaorang buat lah. Kalau -- macam -- kita buat drama swasta (sambil menganggukkan kepala) kalau macam buat filem diaorang sediakanlah semua. *Set-set* [tempat penggambaran] tu semua diaorang sediakan lah. Tapi be -- beza dia itulah yang dah -- canggih lah. __ macam -- dulu -- dah canggih lah. Kite Bang -- Bangsawan kita pasang __ apa semua. Tu semua pernah angkat sendiri tu *uncle* pernah angkat sendiri, pasang sendiri dengan geng-geng. Pasang tirai __ (menggayakan pasang) Tarik tirai __ (menggayakan Tarik). Pa - pasal kita *enjoy* [nikmati] tau. Kadang-kadang bila *scene* [babak] kite dah habis kan, kita pun ramai (menggayakan menarik tirai) tarik-tarik tirai. Pastu ila masuk pup masuk *scene* [babak] kite balik (ketawa). Ramai-ramai macam tu. Ha -- tu -- yang tu kalau untuk -- pentas dengan Bangsawan semua. Habis, okay kite bukak ramai-ramai simpan balik ramai-ramai, masuk lagi ramai ha macam tulah. Tapi kalau macam *set* [tempat penggambaran] -- besar-besar contoh macam dekat IB tu takyah lah. IB tu macam *uncle* cakap lah *sign* [tanda tangan] je cek dah boleh beli barang ha kan? (ketawa). __, __ kan? (ketawa). Ha dah boleh beli dah. Beza dia itu jelah.

NSMN: Soalan seterusnya, pada pendapat *uncle* apakah perbezaan layanan di set [tempat penggambaran] penggambaran masa dulu dengan masa sekarang?

LZ: Layanan ke pembayaran?

NSMN: Ha (ambil membaca skrip) layanan.

NASH: Layanan.

LZ: Macam *uncle* cakap tadi kan? da – dah cakap tadi kan? Dia standard [biasa] lah manusia. Kadang macam *uncle* cakap yang mana okey tu okey sangat. Mana yang tak berapa okey tu tak berapa okey. Mana yang takde okey takde okey kan (ketawa). Jadi layanan tu kita -- tak boleh tujukan kepada A-B-C takde. Macam ni *uncle* cakap umum. Ade yang okey, okey sangat kan. Ade yang tak nak berapa okey tak bape okey. Ade yang tak okey (geleng kepala) tak okey. Ha tapi ni _ macam -- *uncle* cakap lah. Da - daripada awal tadi. Bende tu memang dah tahu dah. Pada diri *uncle*, bende tu memang dah tahu dah. _ bende ni akan terjadi macam ni (sambil menghalakan tangan ke bawah) So[jadi] kau nak, layan jelah kau tak boleh nak merungut “eh kenapa dia ni macam ni ha? Kenapa – di – ni- macamni --? Kenapa dia ni bagus pulak ha?”. Manusia, samalah kan? ada yang okay ada yang tak okay. Makna, kau rasa kalau kau nak pergi jauh bende tu, kau kene tempuh ah. Ha bi – bil -- kau tempuh kau takkan merungut (senyum) pasal kau dah tahu kan? dah tahu selok belok tu kan?

NASH: (Mengangguk kepala) dah tahu.

LZ: Macam yang *uncle* cakap daripada awal tadi. Kau dah tahu sambal belacan tu pedas (menuding jari ke arah meja) tapi sedap kau nak makan jugak (mengangguk kepala). Sampai habis (gaya kepedasan). Macam tu (ketawa) da – dalam lakonan pun sama.

Ini pada pan - pandangan *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) kalau pada orang lain mungkin ca – cara pandangan – diorang -- cara panyampaian diaorg lain. Tapi pada *uncle* (sambil menunjukkan diri sendiri) Itulah cara *uncle*.

NSMN: Kalau dari segi ba - bayaran yuran? Eh bayaran –

NASH: Jurang bayaran

NSMN: Ha (sambil mengangguk kepala) bayaran _ jurang antara dulu dengan sekarang?

LZ: Ba – bayaran memang bezalah (ketawa). Macam *uncle* cakap lah zaman-zaman *uncle* lu kalau *extra* [tambahan] *uncle* dapat tiga puluh ringgit [RM30], dua puluh ringgit [RM20]. Tetapi sekarang ni, eh sekarang ni diaorang tak panggil *extra* [tambahan] nanti diaorang marah. Sekarang ni diaorang panggil *talent* [berbakat]. Zaman-zaman *uncle* lu panggil *extra* [tambahan]. Tapi takde lah rase (geleng kepala) nak kecik hati. Kadang-kadang bila kita kat set [tempat penggambaran] bukan hero-hero. “Okey-okey *extra* [tambahan] mana? *Extra* [tambahan] duduk”. Kita tak kecik hati memang -- itu kita (menunjukkan diri sendiri). Memang itu kita (ketawa). Lainlah kalau “ha mana hero?”. Yes [ya] kau hero? Dia panggil hero lah tu. Tapi masa zaman *uncle* dulu masa __ *extra* [tambahan] dulu, “ha mana *extra* [tambahan] tadi ha? Okey suruh duduk sana sorang (menuding jari ke arah depan). So [jadi] kenapa kau nak kecik hati? Memang itu engkau. Ha tetapi, tu yang macam *uncle* cakap tu. *Uncle* nak belajar. Okey itulah semangat membakar. *Extra?* [tambahan] okey. Aku *start* [mula] daripada *extra* [tambahan] (sambil menunjukkan pada diri sendiri). Tu pasal kalau orang-orang temu ramah macam ni *uncle* cakap “saya budak tiga puluh ringgit [RM30]”. Daripada tiga puluh ringgit [RM30]” berdiri tegak (gaya berdiri tangan di sisi), Okey senyum (senyum), okey tepuk tangan (menepuk tangan), okey tukar baju, Okey hero lalu awak angguk (mengangguk)”. Daripada macam tu. So [jadi] macam *uncle* cakap tadi mungkin kelebihan tu Allah SWT bagi

bakat tu ada. *So* [jadi] *uncle* gunakan dengan cara yang betul (sambil senyum). Alhamdulillah sampai sekarang orang tak panggil *extra* [tambahan] lagi dah. Ha kadang-kadang diaorang gurau lah tapi bende tu betul. “*legend* [lagenda] datang”. Memang betul lah *legend* [lagenda]. Buat – ape -- kau nak marah? Ke - kenapa dia tak panggil kau *extra* [tambahan]. Sebab ka – kau bu – bukan -- kedu – kedudukan kau bukan di situ lagi (sambil menunjukkan jari ke depan). Cuba pasal *uncle* tak kecik hati daripada dulu. Ha ni sekarang tak boleh (senyum). Sekarang budak-budak sekarang ni tak boleh panggil *extra* [tambahan]. Marah (memek muka marah sambil membetulkan baju). Oh sape *extra*? [tambahan].

NASH: Oh sesetengah __ __?

LZ: Sesetengah? Eh tak --. Maksudnya yang sekarang ni. Sekarang ni kalau *extra* [tambahan] kita tak boleh panggil *extra* [tambahan]. Kita kena panggil *talent* [berbakat] (senyum). Contohkan kalau macam hero dekat situ kan? Kalau macam zaman *uncle* dulu (sambil menunjuk pada diri sendiri) kalau hero dekat situ. “mana *extra* [tambahan] dua [2] orang (menunjuk 2 jari) tadi yang dekat hero ni”? Okey kitaorang akan pergi. Tapi kalau sekarang tak boleh cakap macam tu. “ha mana *talent* [berbakat] tadi ha?” (gaya mencari orang). Dia akan panggil *talent* [berbakat] dia tak kan panggil *extra* [tambahan] macam zaman-zaman *uncle* dulu (sambil menunjuk pada diri sendiri). Ha itu pa – pasal *uncle* tak kisah. Buat apa nak marah? Memang betul kau *extra* [tambahan]. Takkan dia nak panggil kau hero?

NSMN: (Mengangguk kepala).

LZ: Memang ko memang -- kau *extra* [tambahan] __ __ macam -- *uncle* cakap tadi kan “ehh mana yang *extra* [tambahan] dua orang ni (sambil menuding jari) yang duduk dengan hero tadi?” ha kau hero dia panggil hero lah, kau *extra* [tambahan] panggil *extra* [tambahan] lah. Kenape ko nak kecik hati. Tu pasal *uncle* cakap takdelah. Takde kecik hati. *Uncle* erm lebih bangga. Sebab ape? sebab daripada *extra*

[tambahan] menjadi seorang pelakon yang bukan handal lah (senyum) tapi boleh lah. Ha sampai sekarang masih berlakon lagi kan (senyum). *So* [jadi] *uncle* bangga. Asalnya daripada *extra* [tambahan]. Yelah mungkin zaman tu dah berubah nanti kalau nak panggil *extra* [tambahan] tak sedap lah agaknya kan? panggil *talent* [berbakat]. Tu tak kisah lah, tu hak diaorang lah. Ha jadi *talent* [berbakat] tu ko gunakan cara ko yang betul. Insyaallah kau boleh berjaya macam Lan Zailan (ketawa).

NASH: Betul --. Sepanjang *uncle* dah lama kan dalam bidang lakonan ni *uncle* ada tak bagi kata-kata semangat dekat artis yang tengah *top* [terkenal] sekarang?

LZ: Woo. Ini – panas – ni -- macam api ni (sambi menggayakan api dan ketawa). Ha pernah lah. Pernah jugak lah ha (sambil berfikir) takde lah banyak ramai jugaklah kan. Kadang-kadang pernah masa -- *uncle* buat satu program, buat teater lah. *Uncle* buat teater lah dia ni memang berbakat tapi tak tau lah kalau nak sebut takut tak sedap kan? pasal bende dah takde kan. Kita tak payah lah (sambil isyarat tangan tiada) kita cuma cakap begitu lah. Ade lah bagi semangat (angguk kepala) tengah-tengah buat -- teater, dia pun datang kat *uncle*. *Uncle* cakap satu je, “kalau kau nak bagus kau pergi Kuala Lumpur [Malaysia]”. Bila dia pergi Kuala Lumpur [Malaysia] tak lama lepas tu *uncle* tengok satu [1] program TV (aksi melihat) dia jadi juara.

NASH : Oh (mengangguk kepala).

LZ: Ha (mengamgguakkan kepala) Dia jadi juara. Lepastu a – ade jugak lah lagi ada _ takde lah ramai banyak jugak lah kan. Sama jugak macam tu, tapi takda jugak sebut nama kita. Macam contoh kan ha (sambil berfikir) “aku jadi macam ni ha, abang Lan Zailan lah yang bagi semangat gini --. Tapi bende tu takde, tak kisah lah. Tak kisah lah lantaklah. Macam contoh macam -- yang *uncle* tadi. Sa – sapa yang menjadikan nama Lan Zailan ni? *Uncle* akan sebut.

NASH : Betul.

LZ: Ha arwah Syukri Hashim [Syukery Hashim, pelakon lelaki Malaysia] dia yang meletakkan nama ni.

NSMN: (Mengangguk kepala).

LZ: Tapi tak kisah lah, tu hak dia. Mungkin – dia -- lupa lah tu. (ketawa) Ada jugak (angguk kepala).

NASH: Kiranya kan *uncle*, kan *uncle* kata macam sape nak jadi _ macam nak berjaya pergi ke Kuala Lumpur (Malaysia). Jadi sepanjang *uncle* berlakon teater tu sebenarnya kat mana lokasi *uncle* berlakon teater tu? Ke dalam

LZ: Sa – selalu kalau ha dalam ha ma – masa mana -- _ masa yang bagi kata semangat ni tadi (sambil menuding jari).

NASH : (Mengangguk kepala)

LZ: Eh (ketawa) kalau macam tu (sambil menuding jari) tahu lah orang dia sapa (ketawa sambil membetulkan baju dan posisi duduk).

NASH : Maksud saya lokasi (ketawa).

LZ: I – itu lu - luar daripada Kuala Lumpur [Malaysia] (ketawa).

NASH: Oh luar daripada Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil senyum dan mengangguk).

NSMN: (Menganggukkan kepala dan senyum).

LZ: Ha (ketawa) luar daripada Kuala Lumpur [Malaysia] pun ada dalam Kuala Lumpur [Malaysia] pun ade in - ingatkan *uncle* punya teater. Kalau *uncle* punya teater luar pun ada (sambil gaya tangan ke depan) de – dekat dalam pun ada. Ermm.

kepala) sebab apa? masa tu masa anak kecik lagi kan banyak yang sekolah lagi kan anak *uncle* banyak sekolah masa tu apa aje orang panggil buat kerja, *uncle* pernah buat kerja kontrak pun pernah cat -- dinding pun (memandang dinding) janji dapat duit untuk nak bagi diorang (menunjuk ke dinding) ha kan masa tu uh (menggeleng kepala) masa tu teruk betul masa tu (senyap sambil menggoyangkan kaki) tu yang - - tak boleh dilupakan lah bukan -- makna kita tak *shooting* [penggambaran] masa *shooting* [penggambaran] tu kita kena kan *injured* [cedera] masa *shooting* [penggambaran] (menunjuk kaki) tu ha tapi *producer* [penerbit] pun tak ambik *producer* [penerbit] datang ah, dia datang sekali (menunjukkan jari satu[1]) bayar seratus [100] je (ketawa) seratus [100] berapa lama tahan? Masa tu (menunjuk kaki) kaki *uncle* lama tu dekat -- dua [2] tahun jugak tak berjalan ha.

NASH: Kiranya selepas kejadian *uncle* kaki *uncle* bengkok tu berapa lama *uncle* tak melibatkan diri dalam bidang lakonan?

LZ: Ingat (berfikir) dua [2] tahun lebih lah, ha dua [2] lebih tu cakap tadi lepas itu je apa je orang panggil *uncle* buat kerja, *uncle* buat kerja tu cakap tadi *uncle* pernah kerja kontrak, kacau simen pun pernah takpe janji dapat duit ha sementara - nak -- (menunjuk kaki) pulihkan balik nak untuk dapat balik *job* [kerja] kita tu kan, habis dah lama-lama tu dah lima [5] enam [6] bulan __ kadang diorang tanya “buat apa ni?” “alah tak boleh *shooting* [penggambaran] lah” “ni *shooting* [penggambaran] ada kejar-kejar ni ” alamak kejar-kejar, nak lompat-lompat memang tak boleh lah kita kan (memandang kaki) takpe lah ambik lah orang lain, masa tu cakap apa je ada kerja member [kawan] ajak pergilah, bawak lori pun ada, apa je janji boleh buat duit zaman itu, masa itu ketika itu yang *uncle* jatuh tu kan anak kecik-kecik lagi, hantar anak sekolah lagi kan, kita - kena -- *struggle* [perjuangan] lah untuk diorang kan (menggoyangkan kaki sambil menunjuk arah tepi)

NASH: So [jadi] kiranya lepas *uncle* pulih tu macam mana macam ada orang *approach* [pendekatan] *uncle* ke untuk berlakon? Macam mana *uncle* boleh terlibat balik?

LZ: (Berfikir) dia ni kalau yang -- macam -- dulu-dulu zaman *uncle* dulu diorang memang dah ada dah memang dah ada *group* -- [kumpulan] dia memang dah ada *contact* [kenalan] dia makna contoh lah misal kata okey kalau -- dalam satu [1] cerita tu dia nak pakai *hero* [watak utama] dia akan panggil orang ni, kalau orang ni tak dapat, dia panggil orang lain kalau -- dia akan *call* [menelefon] *uncle* balik “eh, kaki kau dah elok ke?” “dah okey dah (membuat aksi menumbuk) dah -- boleh *fight* -- [berlawan]” sebab masa tu nak cita *fight* [berlawan] kan (membuat aksi menumbuk) “dah boleh?” “dah boleh *fight* -- [berlawan] dah tapi tak boleh nak lincah -- sangatlah” “okeylah, ambik kau lah” ha dia -- daripada datang macam itulah daripada situ balik kira kaki dah okay -- (membuat gerakan tangan) sampai sekarang okey lah sampai sekarang (mengangguk kepala).

NSMN: Boleh ke *uncle* berkongsi kisah kenangan manis ketika bergelar seorang pelakon?

LZ: Fuh kenangan manis banyak bila *uncle* minum gula banyak-banyak (ketawa besar)

NASH: (Ketawa kecil)

NSMN: (Ketawa kecil)

LZ: Okey kenangan manis memang banyak, okey kenangan manis pertamanya (membuat kiraan) kadang-kadang setengah *production* [produksi] tu belum habis *shooting* [penggambaran] lagi (ketawa kecil) lagi -- satu [1] hari nak *shooting* [penggambaran] dah dapat *payment* [bayaran] fuh (ketawa kecil) lepastu pulak kalau macam selalu bila selalu kita *shooting* [penggambaran] dekat KL [Kuala Lumpur, Malaysia] je pastuh pergi *outstation* [kerja luar], *outstation* [kerja luar] pulak tempat yang kita tak pernah pergi itu -- memang kenangan manis lah tu kan so [jadi] (berfikir) pastuh pulak yang ketiga [3] kalau kita dapat pulak (berfikir) geng -- kita yang satu kepala wah itu memang *enjoy* [menikmati] lah kan kalau kita *outstation*

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

[kerja luar] kan so [jadi] (berfikir) kenangan manis lagi okey kalau macam kita buat satu [1] cita tu tak kesah lah teater ke, filem ke, drama kan okey makna macam benda tu berjaya, okey bila -- macam uncle cakap tadi lah (menunjuk ke arah NASH) bila berjaya kan, okey contoh macam “you are period [fired, dipecat]” [awak datang haid] “crocodile” [buaya] [dialog dari filem ‘Bini-Biniku Gangster’] ha kan bila benda -- macam tu kan bila alamak oi best lah [seronok] ha kan itu kenangan-kenangan manis lepastu (berfikir) yang ni yang paling manis sikit ni bila pulak kita *deal* [perjanjian] pulak diorang tak cita banyak kan “okey boleh” dia kata ha (raut wajah ceria) itu kenangan-kenangan manis yang tak dapat dilupakan lah (berfikir) ada jugak kenangan-kenangan manis yang -- lain nya macam contoh macam kalau kita *shooting* [penggambaran] kat kampung, orang kampung tu terlampau baik sangat dengan kita kan kadang-kadang kita tengah *shooting* [penggambaran] yelah walaupun benda tu kecil, tapi dia hantar buah-buah, hantar makanan, hanatar apa semua, kita hantar kuih-kuih kan nak pulak kalau _ kalau kita *shooting* [penggambaran] dekat kampung-kampung kan yelah diorang sebenarnya diorang seronok bila jumpa kita kan, kita -- pulak yang setengah -- tu yang uncle punya geng -- pun takde pulak yang jenis sombong -- kan semua kalau datang kita layan -- kan (menggeleng kepala) jadi itu -- yang seronok bagi kita, itu yang kenangan manis yang bagi uncle (menunjuk diri sendiri).

NASH: Apa kenangan manis *uncle* bersama rakan artis yang lain semasa di luar *set* [tempat penggambaran] dan di dalam *set* [tempat penggambaran]?

LZ : Di dalam *set* [tempat penggambaran] kenangan manis manis macam *uncle* cakap lah tadi kalau macam kita dapat satu -- [1] kepala tu lepas -- kita *shooting* [penggambaran] kita -- main gitar, menyanyi (berfikir) contohnya salah - seorang - yang selalu buatlah benda ni arwah M. Rajoli [Mohd Rajoli Bin Mohamed Zain, pelakon komedi Malaysia] arawah-- (menyinsing baju) M.Rajoli [Mohd Rajoli Bin Mohamed Zain, pelakon komedi Malaysia] kalau -- kita *shooting* [penggambaran] dia selalu buat lah, yang lain pun buat jugak tapi dia kerap buat lah dan tak tahu *uncle* pun tak tahu kenapa kalau macam *shooting* [penggambaran] dengan dia tu kan dia mesti nak dengan *uncle* satu bilik, cakap kita segan lah kan “bang, tak payah lah

bang” “takde -- mu (menunjuk arah depan) dengan abe (menunjuk diri sendiri)” tapi bila dah habis -- *shooting* [penggambaran] tu biasalah, pergi dekat van dia, dia keluarkan accordion [akordian] dia, dia keluarkan _ apa benda jenis muzik yang ada tu ha siapa yang boleh main muzik, main dengan dia lah ha itu memang kenangan manis yang *uncle* tak dapat lupakan lah. Ada jugak kawan-kawan yang buat macam tu, ha tapi jarang -- lah mungkin diorang bawak kereta ke susah -- nak bawak benda -- tu kan, macam dia pergi *shooting* [penggambaran] bawak van je tu ha macam-macam dalam tu kan cuma drum je tak boleh bawak kalau drum boleh bawak, dia bawak jugak drum tu agaknya (ketawa kecil)

NASH: Lepastu kan *uncle*, apa kenangan manis *uncle*, berdasarkan kenangan manis tu ada tak yang terkesan dalam hidup *uncle*? Yang ...

NSMN: Yang tak boleh dilupakan

NASH: Yang tak boleh *uncle* lupakan, memberi kesan dalam kehidupan *uncle*

LZ: Yang memberi betul -- memberi kesan macam -- kita berkerja lah (menggoyangkan kaki), kita berkerja kita dapat gaji kan ha itu -- kenangan manis yang tak boleh dilupakan bila - kita -- berkerja, kita dapat gaji. Sama jugak macam *uncle*, bila kita *shooting* [penggambaran] macam tadi *uncle* cakap “eh? Belum habis lagi dah dapat cek dah?” ha kan (raut wajah ceria) patut ada dua [2] hari lagi kan? Dua [2] hari lagi nak habis *shooting* [penggambaran] ni “eh, dah dapat cek dah?” wah tu paling -- seronok la kita kan, itu memang kenangan manis yang tak dapat dilupakan lah (menggoyangkan kaki).

NSMN: Selain daripada menceburi bidang lakonan, adakah *uncle* ada kerjaya lain yang *uncle* lakukan?

LZ: Okey, dulu -- sebenarnya *uncle* tak minat meniaga -- ni, tetapi bila dah kebelakangan -- ni kan pasal artis dia -- ada macam apa nak panggil ha (menunduk sambil berfikir) bukan agensi, bukan *group* [kumpulan] eh ataupun dipanggil *group* [kumpulan] ha (berfikri) apa? Untuk peniaga-peniaga untuk geng -- artis ni berniaga tau dia panggil 'GTAS' [Gagasan Transformasi Anak Seni] Gabungan Toleransi Artis apa benda ntah lebih kurang macam tulah GTAS [Gagasan Transformasi Anak Seni] bunyi dia kan? Anne Abdullah [Noraini Anne Abdullah, pelakon, penyanyi dan penerbit Malaysia] pengerusi dia so bila *uncle*, mula-mula *uncle* tak minat meniaga tu tengok -- kawan-kawan pergi meniaga takde *shooting* [penggambaran] pergi meniaga (menggeleng kepala) _ pergi ekspo _ eh? Timbul minat pulak situ, so [jadi] *aunty* [isteri Lan Zailan] pulak dia boleh buat peria -- goreng, peria katak tu kan so [jadi] buat itu pastu *uncle* ambik ha (berfikir) produk kerepek ubi pedas tu, ambik dekat kawan anak *uncle*, ha itu yang buat tapi sekarang ni pasal -- dah PKP ni dah lama tak buat so [jadi] tu yang *stop* [berhenti] sekejap lagipun nak buat peria, peria tu memang alhamdulillah lah peria dengan kerepek tu, kerepek tu *anytime* [bila-bila masa] ada stok (membuat gerakan tangan) tapi peria tu sekarang nak buat dah -- susah nak buat dah, sebab apa? Dulu harga dia satu [1] kilo, tiga - [3] ringgit -- [RM 3], sekarang ni satu [1] kilo dah enam [6] ringgit [RM 6] habis, berapa ringgit [RM] nak jual? Ha tu yang *stop* [berhenti] dulu, kebetulan pulak PKP ni *stop* [berhenti] dulu tapi masih lagi lah (menggoyangkan kaki) macam -- kerepek -- tu kalau orang order ha *uncle* pergi hantarlah tapi nak -- *start* [mula] balik macam ha apa peria katak apa semua tu kan mungkin lambat sikit lah kan pasal nak tunggu harga tu turun (membuat gerakan tangan) (ketawa besar) kalau harga tu turun, okey kita boleh buat (menggerakkan badan).

NASH: Apa pandangan uncle selepas dah terlibat dalam *business* [perniagaan] ni dalam berniaga?

LZ: Okey ini pandangan masing-masing lah

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ : Pandangan masing-masing, macam *uncle* tu tadi kalau - kita -- cakap diorang cakap sembang je, *uncle* kaya (membuat gerakan tangan) macam mana pun lakonan tetap nombor satu [1] sebab dia sebab *uncle* berlakon dulu baru *uncle* kaya (menggerakkan tangan) bukan *uncle* kaya, *uncle* berlakon kan (menunjuk diri sendiri) itu cakap itu - - pandangan masing-masing tapi kalau *uncle* cakap “(wajah sinis) alah kau sembang boleh lah” *No* [tidak] (menggelengkan kepala) kecuali kalau *uncle* (menggerakkan tangan) kaya dulu berlakon, *yes* [ya]. Ini sekarang *uncle* berlakon dulu, baru *uncle* kaya, makna lakonan tetap nombor satu [1] (menunjuk ke arah depan) *uncle* kaya macam mana pun (menunjuk ke dinding) kalau ada orang panggil *shooting* [penggambaran] *uncle* akan pergi

NASH: Oh (mengangguk kepala)

LZ: Sebab *uncle* cakap tadi (menunjuk ke arah depan) pasal *uncle* berlakon dulu baru kaya (menunjuk dinding) lain kalau *uncle* kaya, *uncle* berlakon itu suka-suka “eh, takdelah aku bukan berlakon, kerjaya - aku -- business [perniagaan] kan? (menunjuk dinding)” ha ini takde (menggerakkan tangan ke depan) kita berlakon - dulu -- (menunjukkan tangan ke depan) tu yang *uncle* pernah cakap dekat kawan-kawan “okey, aku kaya macam mana pun lakonan tetap nombor satu [1]” sebab kita daripada pelakon baru kita jadi kaya (menunjuk ke dinding) itu -- pandangan masing-masing tapi kalau tanya *uncle*, itulah jawapan dia ha (berfikir) pasal -- kita cakap tadi lain kalau ha (berfikir) kita kaya baru kita berlakon “ah taknak lah buat apa nak berlakon? Aku dah kaya (membuat pergerakan tangan)”

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ: ini pasal kita berlakon dulu baru kita kaya, contoh - lah -- *uncle* ada business [perniagaan] besar -- contoh lah ada kilang lah apa benda lah kan, lakonan tetap nombor satu [1] (menunjuk ke depan) kalau kau panggil, tetap pergi sebab kita

daripada berlakon dulu baru kita kaya ha ni pandangan *uncle* (menunjuk diri sendiri) itu orang lain itu masing-masing punya pandangan lah itu terpulang itu hak masing-masing.

NASH: Lepastu tu kan *uncle*, *uncle* ada tak rasa macam perbezaan antara *uncle* dekat dalam bidang seni dengan *uncle* yang dah mula ceburi bidang *business* [perniagaan]?

LZ: Ha (berfikir sambil menggerakkan tangan) dia okey dia -- beza dia (menggerakkan tangan) cuma kalau macam kalau kita pergi (menggerakkan tangan) dengan *group* - [kumpulan] kita pergi meniaga, yang seronoknya “eh, artis lah (raut wajah ceria)” ha itu -- beza dia lah tapi orang lain pun berniaga ha kalau -- pro- produk yang sama tapi *of course* [sudah tentu] dia akan datang dekat kita (menunjuk diri sendiri) sebab apa? Sebab dia nak tengok kita kadang-kadang nak bergambar dengan kita kan? Beza dia itu lah takde apa lah beza dia, takde lah (menyinsing baju) macam kita okey dah berniaga ni okey nak bangga --, tak (menggeleng kepala) makna dia beza dia itu je, makna kalau -- macam geng -- *uncle* berniaga (membuat pergerakan tangan) sepuluh [10] lima belas [15] orang tu, *confirm* [sudah pasti] diorang akan tumpuan kat situ jelah (membuat pergerakan tangan) ha _ benda -- lain pun dia beli

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ: Barang-barang orang lain pun tetapi *choice* [pilihan] dia artis “eh artis meniagalalah, ramailah artis kat sana” ha dia akan datang kat situ, itu jelah beza dia (tersenyum).

NSMN: *Uncle* ada rakan kongsi ke dalam perniagaan tu?

LZ: (berfikir) ada rakan kongsi, *aunty* [isteri Lan Zailan] tu lah (menunjuk kepada isterinya sambil ketawa besar).

NASH: (Ketawa besar)

NSMN: (Ketawa besar)

LZ: Takdelah (menyilang kaki) *uncle* cuma ha ni lah kalau ambik barang pun, ambik produk -- dengan anak *uncle* punya kawan pastuh buat sendiri lah dengan *aunty* kan (mengangguk kepala).

NSMN: Dalam perniagaan uncle, ada tak sebarang persaingan bagi uncle?

LZ: Uih (ketawa kecil sambil berfikir)

NASH: (Ketawa kecil)

NSMN: (Ketawa kecil)

LZ: Persaingan - persaingan ni, macam *uncle* cakap daripada awal tadi *standard* [piawaian] lah persaingan ni kan kadang-kadang ha (berfikir) lah benda -- kecil -- macam ni lah ada persaingan dia tapi taknak ambik *port* [bahagian] sangat lah sebab kita berniaga kerepek je pun, bukannya berniaga 'Porshe' [jenama kereta mewah] ke Alphard [Toyota, jenama kereta] ke apa kan berniaga kerepek je pun tetapi ada jugak lah tapi malas nak ambik *port* [bahagian] benda kecil -- macam ni, ada -- jugak tapi malas nak ambik *port* [bahagian] lah, buat gelak -- buat tak tahu je lah kan benda -- macam tu.

NASH: Sepanjang *uncle* berniaga ni macam mana cara *uncle* promosi barang *uncle* dekat masyarakat?

LZ: Ha (berfikir) sebelum tu kadang-kadang kalau macam geng -- artis ni kalau macam ada ekspo mana-mana kan, okey kita akan keluar dalam FB (sosial media), keluar dalam *group* [kumpulan], okey contoh lah misal kata harini dua puluh tiga [23] kan, okey tiga puluh -- [30] hari bulan sebelas [11] esok, kita ha (berfikir) se - sebanyak dua puluh [20] orang artis akan berniaga di Bukit Jalil [Kuala Lumpur].

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ: Jadi kitorang (membuat gerakan tangan) *promote* [promosi] dekat situ lah, kita *promote* [promosi] dalam *group* [kumpulan] dalam FB [media sosial] dalam IG [media sosial] apa semua (membuat gerakan tangan) ha macam tu lah kita *promote* [promosi] untuk diri kita kan? Macam tu la (mengangguk kepala).

NSMN: Perniagaan *uncle* tu kan sejauh mana dia membantu dalam kehidupan *uncle*?

LZ: (berfikir) dia kalau nak katakan hobi tak hobi, biasalah meniaga ni kan kadang-kadang dia okey, kadang-kadang dia tak okey (ketawa bear).

NASH: (Ketawa besar)

NSMN: (Ketawa besar)

LZ: Dia -- me- membantu lah misal kata kita takde *shooting* [penggambaran] ha dia membantu lah kan (membuat pergerakan tangan) tapi kalau ada *shooting*

[penggambaran] pun misal kata kalau uncle bukak pagi, *aunty* [isteri Lan Zailan] jaga (menunjuk ke arah isteri) *uncle* habis *shooting* [penggambaran] uncle pergi lah dekat situ.

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ: Dia -- tak boleh, dia produk tu (membuat gerakan tangan) kalau artis meniaga kalau sebab apa? Sebab kadang-kadang diorang dah bagi kita *booth* [tapak berniaga] *free* [percuma] *so* [jadi] artis tu kena ada dekat situ.

NASH: Oh (mengangguk kepala)

LZ: Kecuali kalau macam kita *shooting* [penggambaran] kita tak boleh elak, tapi macam mana pun misal kata kalau seminggu tiga [3] hari mesti nak ada dekat situ, ha sebab apa? Sebab diorang dah *sponsor* [penaja] *booth* [tapak berniaga] *free* [percuma] *so* [jadi] kita -- dia dah *sponsor* [penaja] *booth* [tapak berniaga] *so* [jadi] dia letak artis (membuat pergerakan tangan) sebab dia nak tarik *crowd* [orang ramai] (membuat gaya menarik).

NASH: Oh (mengangguk kepala)

LZ: Jadi kalau artis tu takde dekat situ, ha kan masalah pada dia jugak

NASH: *Management* [pengurusan] (mengangguk kepala)

LZ: Ha (mengangguk kepala) masalah pada *management* [pengurusan] jugak kan *so* [jadi] tu pasal _ okey kalau macam *uncle* dah -- cakap dengan dia awal-awal "boleh

ni, tapi gua ada *shooting* [penggambaran] lah ni (menunjuk tapak tangan) “takpe bang, abang hantar pagi suruh akak jaga ke nanti petang abang datang” ha *uncle* selalu buat macam tu lah, tapi kalau *uncle* takde *shooting* [penggambaran] dua puluh empat [24] jam kat situ lah. Kalau macam sepuluh [10] selalunya ekspo -- ni sepuluh [10] pagi sepuluh [10] malam tapi kita takde lah sampai sepuluh [10] malam kan kadang-kadang kalau kita bukak sepuluh [10] setengah kadang pukul lapan [8] pukul sembilan [9] tu kitorang dah gerak diorang faham lah kan.

NASH: Kiranya ekspo ni kan untuk ekspo ni dia bermusim ke dia macam ada tetapan masa dia?

LZ: tak (menggeleng kepala) dia - musim --

NASH: Oh bermusim (mengangguk kepala)

LZ: Macam tahun lepas, sebelum PKP dia tu okey bulan - puasa -- dia bagi kita penuh tu sebulan tapi masuk hari yang ke sepuluh [10] apa kan, kita dah PKP kan ha *stop* [berhenti] semua lah (menggoyangkan kaki) memang *stop* [berhenti] semua lah memang takde musim macam -- contoh okey kalau macam tahun awal tahun ni diorang nak buat program kan? Okey siapa dia punya ni siapa dia punya apa? *Event management* [pengurus acara] kan ha makna dia kan pergi kat *group* [kumpulan] tu dia akan bagitahu “okey sekarang ni aku - ada -- *booth* [tapak berniaga] sepuluh [10] artis” Okey -- siapa yang nak masuk nama kat situ, masuk nama siapa dulu lah (menunjukkan tapak tangan) *first come first serve* [siapa cepat dia yang dapat] lah, ha makna dia dah ada sepuluh [10] nama kadang-kadang *organizer* [penganjur] pilih sendiri, kita letak nama dia -- kita letak nama dua puluh [20] bila hantar, oh dia nak si - polan -- dia - pasal *organizer* [penganjur] tu dah biasa kan makna dia -- akan pilih artis-artis ni.

NASH: Oh kiranya bukan semua artis lah, artis terpilih je?

LZ: Ha (menunjuk tapak tangan) itu satu [1] lagi satu [1] yang artis *group* [kumpulan] kitorang ni mana yang jadi ahli GTAS je

NASH: Ha (mengangguk kepala)

LZ: Mana yang jadi ahli, artis itu je yang boleh berniaga ha makna contoh kalau macam *uncle* jadi ahli, *uncle* boleh berniaga tapi macam kawan *uncle* tu artis dia -- tak masuk dalam -- tu dia bukan ahli makna dia tak boleh berniaga, kalau dia nak tumpang barang tu dengan *uncle* boleh ha (menangguk kepala) makna *uncle* berniaga situ atas nama *uncle*, dia nak tumpang barang kat situ, itu boleh (membuat pergerakan tangan).

NASH: So [jadi] *uncle*, sepanjang *uncle* berniaga ni kan macam kita tahu kita pun tengah dilanda pandemik kan, jadi apa kesan pandemik ni dekat *business* [perniagaan] *uncle*?

LZ : uh (gelak dalam kesedihan sambil menggerakkan tangan) banyak kesan dia, habis kerusi meja semua (ketawa kecil) memang dia -- apa bila cakap pandemik ni kita tak boleh cakap lah makna dia bukan kita sorang so bukan di Malaysia boleh dikatakan dunia makna kita macam *uncle* cakap lah kita boleh, kita tak boleh buat apa, makna bila dah kena macam tu, pandai-pandai - lah - kita -- macam mana nak *manage* [menguruskan] benda -- yang ada - seni yang ada dekat kita tu, tu macam *uncle* cakap tadi, bila *last* [terakhir] -- pergi kat dinding, dinding pun suruh balik kan (ketawa kecil)

NASH: (Ketawa kecil sambil menggeleng kepala)

NSMN: (ketawa kecil)

LZ: Memang -- dah memang bila dia dah sampai (membuat pergerakan tangan) masa tu bila sampai pandemik (berfikir) kita -- kita memang kena- pandai-- untuk nak aturkan perbelanjaan tu, kalau tidak memang lagi kecundang kita (mengangguk kepala sambil tersenyum)

NSMN: *Uncle*, kita dah sampai ke soalan yang terakhir

LZ: Yup

NSMN: Iaitu apa harapan *uncle* dalam bidang seni industri lakonan ni?

LZ: Untuk diri *uncle* ke untuk semua?

NSMN: Kalau dari segi diri *uncle*?

LZ: Kalau dari segi diri *uncle*, macam *uncle* cakap tadi *uncle* berkerja so [jadi] *uncle* berhenti bekerja, *uncle* tumpukan lakonan (membuat pergerakan tangan), okey *uncle* akan berlakon sampai (berfikir) habis (ketawa besar)

NASH: (Ketawa kecil)

NSMN: (Ketawa kecil)

LZ: *Business* -- [perniagaan] itu sampingan lah (membuat pergerakan tangan) mana tahu nanti kalau dah umur dah umur dah lapan puluh tahun [80] tak minat *shooting*

[penggambaran] esok kan? Ha makna orang -- panggil meniaga, pergi meniaga lah ha kalau tidak *uncle* akan berlakon sampai akhir hayat, ada - watak -- kerusi roda, ada watak tengah baring, ada watak tengah duduk kan, ha banyak watak sebenarnya tadi ha kan? Tapi -- mungkin orang pun dah taknak ambik lah kan “tak -- yah lah ambik abang lan tu dah lapan puluh [80] dah, dah penat dah kan” tapi kita -- boleh lagi doa jelah sihat kan? Doa jelah sihat (menggerakkan tangan).

NASH: Betul, okey sepanjang *uncle* berlakon ni dah lebih daripada empat puluh [40] tahun, ada tak watak-watak yang *uncle* teringin nak cuba?

LZ: Dia bila kita pergi ke watak ni, okey macam *uncle* contoh, macam *uncle* cakap tadi kan, *uncle* tak pernah pegang watak Dato' sebab apa? Sebab *look* [rupa] tu bukan *look* [rupa] Dato', *uncle* tak pernah pegang watak cikgu sebab *look* [rupa] cikgu takde, *uncle* tak pernah pegang watak doktor sebab *look* [rupa] doktor takde (membuat pergerakan tangan) itulah masalahnya (menggerakkan badan) se-segelintir pembuat filem atau pembuat drama di Malaysia ni ha dia kalau contohnya macam kata okey kalau nak *look* [rupa] (berfikir) Dato' contohlah kena panggil Dato' Jalaluddin Hassan [pelakon lelaki Malaysia] ha macam tu kan, ha makna kala panggil Lan Zailan “eh, dia mana ada *look* [rupa] Dato' ” tetapi realitinya lagi teruk daripada *uncle* pun ada Dato'nya ha kan (ketawa kecil) jadi benda-benda macam tu (berfikir) cuma watak gila ada sekali, tapi tulah macam Dato', cikgu, doktor (membuat kiraan jari) itu takde sebab kata *look* [rupa] tu takde (mengangguk kepala) tapi takpelah bagi watak yang macam ni takpe yang penting, kau bayar je (ketawa besar) takde doktor, takde cikgu pun takpe kan?. Yang penting kau bayar je ha tapi datuk untuk cucu ada (ketawa kecil) watak datuk untuk cucu ada (mengangguk kepala) ha itu -- bila kita cita nanti “tak boleh bang, *sponsor* [penaja] nak macam tu, *sponsor* [penaja] nak orang macam ni” __ macam *uncle* (menunjuk diri sendiri) kalau macam kata, okey _ nak kaji *uncle* lah “eh, dia Lan Zailan mana boleh watak Dato' , watak Dato' kena ambik si polan ni” ha jadi kalau tidak, *sponsor* [penaja] takkan taja jadi benda -- macam tu lah tu tapi alhamdulillah *uncle* tak kisah lah yang pentingnya tadi, panggil *shooting* [penggambaran] *sign* [tanda tangan] dah tu je (ketawak sambil membuat gerakan tangan) dia tolong kita, kita tolong -- dia,

okey *uncle* buat yang terbaik untuk dia dan dia pun kena buat terbaik untuk kita, tu je.

NASH: Okey *uncle*, bagaimana *uncle* menjiwai watak *uncle* selepas mendapat skrip?

LZ : (Berfikir) menjiwai watak ni dia cara masing-masing kalau *uncle*, kalau *uncle* dapat skrip tu, *uncle* baca dulu okey kadang-kadang kalau *mood* [perasaan hati] bagus, bacalah lima [5] enam [6] kali kalau *mood* [perasaan hati] tak bagus (menggoyangkan kaki), baca sekali simpan lepastu baca balik lah sebelum *shooting* [penggambaran] kan, *so* [jadi] makna kita, okey kita -- baca skrip tu dulu selalunya dia pandang dulu, okey pandang -- (menggoyangkan selak kertas skrip) okey maksud *round* [pusingan] ke dua [2] okey baru - kita - baca - sikit --, okey sapa watak kita makna kita - baca - skrip - dulu -- baru kita tahu watak dia ha itu cara *uncle*, makna contoh lah kan okey *uncle* jadi pakcik, makna kita baca -- “oh pakcik ni jenis macam ni” “oh pakcik ni bila cakap, cakap tiga - [3] empat - [4] patah - bersin -- (menunduk sambil melihat tapak tangan)” ha makna kita kena jadi macam tu

NASH: Oh (mengangguk kepala)

LZ: Le- lepastuh pulak kita - kena -- cakap dengan *director* [pengarah] ataupun *assistant* [pembantu] “eh, tengok tau (menunjuk diri sendiri) kadang-kadang aku terlupa tau” ha kadang-kadang kira kita terlupa bila - kita - dah -- menjiwai watak macam tu, macam *uncle* cakap tadi kan “okey pakcik ni cakap - lima - [5] enam - [6] patah - bersin -- (menunduk sambil melihat tapak tangan)” tapi bila kita terlupa, kita dah pesan dekat *assistant director* [pembantu pengarah] tu kan “eh kau tolong ingatkan eh” nanti dia kata “bang -- *one more* [lagi sekali] bang” “kenapa” “tadi abang cakap tiga [3] empat [4] patah tak bersin” Ha itu pasal da- dalam set ni gabungan tu paling penting (membuat pergerakan tangan),ha kan

NASH: Kira macam bounding [keakraban] antara ...

LZ: *Yes* [ya] ha (mengangguk kepala) kerjasama, kerja - kerjasama da - dalam-- *set* [tempat penggambaran] *teamwork* [kerja berpasukan] paling penting (membuat pergerakan tangan), ha baik *cameraman* [juru kamera] ke, lampu ke apa semua kan macam *cameraman* [juru kamera] pun kita kena tanya “okey nanti aku *last* [akhir] berhenti kat mana ha?” “okey abang kat sini je kalau abang lebih, abang dah terkeluar kita ambik lagi satu [1] (membuat pergerakan tangan)” ha makna semua perlu da - dalam -- satu [1], dalam satu dalam satu [1] drama tu *teamwork* [kerja berpasukan] yang -- paling penting, *uncle* kalau menjiwai watak macam tu (membetulkan kedudukan) tapi kalau watak jahat tak payah lah, watak jahat dia kata “kau bagi jelah” “okey besok -- abang pergi dekat *set* [tempat penggambaran] je lah” kalau - macam -- watak-watak jenis main dalam, dia lambat sikit, makna kalau yang main dalam okey kita kena baca semua, kita kena faham (sambil mendongakkan kepala dan menutup mata) makna okey sebelum masuk *set* [tempat penggambaran] kita -- dah *ready* [bersedia] dah tapi kita ada *rehearsel* [latihan] dulu, sebelum -- masuk *set* [tempat penggambaran] kita ada *rehearsel* [latihan] dulu tapi ada jugak kadang-kadang kalau macam senang-senang tu kan, pasal kita dah biasa berlakon dengan dia kan “*rehearsel* [berlatih]?” “tak payah lah” okey kita cakap dengan *cameraman* [juru kamera] kan, kita cakap dengan *cameraman* [juru kamera] “*rehearsel take* [latihan mengambil] (membuat pergerakan tangan)” kadang-kadang *rehearsel take* [latihan mengambil] tu lagi cantik. Makna okey, dia *take* [ambil] lah wa-walaupun kita *rehearsel* [berlatih], *director* [pengarah] punya *correction* [pembetulan] _ ha tu *rehearsel take* [latihan mengambil] lah (membuat gerakan tangan), kadang-kadang bila kita *take* [ambil] balik, yang *rehearsel take* [latihan mengambil] yang mula-mula tadi tu lagi cantik dari kita *take* [ambil] yang betul (membuat gerakan tangan) ada setengah yang macam itu, ada setengah “ha, takpelah kita *rehearsel* [berlatih] dulu” misal kata kalau macam dialog tu panjang dan yang main dalam kan (membuat gerakan tangan) ha itu kadang kena *rehearsel* [berlatih] dan ada jugak tak payah *rehearsel* [berlatih] sebab apa? Sebab sementara tu dia dah dapat dah (menjiwai watak) okey dia dah dapat dah, bila *on* [okey] je _ dia dah keluar semuanya ha (mengangguk kepala) dia dah keluar semuanya, dia ca - cara masing-masing lah, _ macam *uncle* cakap, kalau cara *uncle* macam tu, *uncle* akan baca skrip dulu, macam *uncle* cakap lah kalau rajin, lima [5] enam [6] kali jugaklah (sambil memandang

tapak tangan) kalau tak rajin baca sekali simpan dulu lah besok ulang balik (ketawa besar).

NASH: (Ketawa kecil) okey *uncle*, apa perancangan untuk masa depan *uncle* dalam bidang lakonan?

LZ: (berfikir) ha maksud dia, rancangan yang macam mana tu?

NASH: Macam nanti, lagi setahun akan datang *uncle* kena buat apa? Lagi dua [2] tahun akan datang *uncle* kena buat apa?

LZ: Oh hm (berfikir) yang -- lepas ni *uncle* takde perancangan yang besar sangat (membuat pergerakan tangan) cuma perancangan *uncle* untuk masa depan yang -- cerah lah _ cerah lah, okey contohnya macam 2021 ni *uncle* contoh eh *uncle* kenal tiga [3] *director* [pengarah] (membuat pergerakan tangan), 2022 *uncle* nak kenal sorang lagi *director* [pengarah] makna dah ada empat [4] *director* [pengarah], so [jadi] sama jugak yang dengan *production manager* [manager produksi] pun sama jugak, okey macam tahun ni *uncle* kenal lima -- [5] *production manager* [manager produksi] tahun depan nak kenal sorang lagi, dah jadi enam [6] kalau kenal dua [2] lagi cantik dah jadi tujuh [7], ha makna kita -- kena macam tu. Ini *uncle* punya cara, o - orang lain tak tahu, sebab apa? Sebab bila -- kita kenal *director* [pengarah] dengan *assistant director* [pembantu pengarah] dan jugak *production* [produksi], macam *production* [produksi] tu mungkin ha (berfikir) mungkin yang dah biasa dengan kita lah, tapi kalau macam *production* [produksi] tak biasa tu kita kenal dia punya *director* [pengarah] dulu, *assistant* [pembantu] dia dulu, *production manager* [manager produksi] dulu, *assistant manager* [pembantu manager] dulu sebab apa? o - orang yang empat [4] orang ni yang akan *recommend* [mencadangkan], yang empat [4] orang ni akan *recommend* [mencadangkan] dia kata con - contoh lah tu kan “eh pakcik ni ambik Lan Zailan” pastu *director* [pengarah] pun cakap “ha okey -- abang Lan okey (mengangguk kepala)” ha jadi -- dia kan cakap dengan *director* [pengarah]

_ dia akan cakap dengan *producer* [penerbit] kalau macam *producer* [penerbit] baru tu _ “eh ni okey (menunjuk ke arah depan)” ha makna bila *director* [pengarah] dah cakap, PM [production manager [ketua produksi] semua dah cakap, okey inshaa Allah dia akan *call* [menelefon] kita ha macam tu.

NASH: Okey *uncle*, untuk soalan *last* [akhir] apa harapan *uncle* dalam bidang industri ni? Maksudnya dari segi macam pihak-pihak produksi untuk artis veteran?

LZ: (Berfikir) dia yang -- pertamanya memanglah yang pertamanya memang daripada - segi - bayaran - lah - kan --? (ketawa besar) pasal kalau kita tengok dekat luar tu memanglah kita tak boleh bandingkan kat luar kan? Kalau macam dekat -- luar tu kalau macam ha (berfikir) geng -- *uncle* punya *level* [tahap] ni memang bayarannya memang tinggi lah kan tapi dekat sini jarang dia buat macam tu lah macam *uncle* cakap tadi, ada setengah *production* [produksi] tu ha (berfikir) di banyak ini kan? (membuat gerakan tangan) ada setengah *production* [produksi] tu dia bayar banyak ini (membuat pergerakan tangan) ha dia susah kita nak dapat satu [1] harga ha (berfikir sambil menggoyangkan kaki) bila cita pasal harga ni, itu pasal *uncle* boleh bertahan dalam bidang ini dekat ke empat puluh [40] tahun lebih, seba *uncle smart* [bijak]. Contoh dia macam contoh lah dia kata “bang, abang punya budget ada singgit [RM1] la bang (membuat pergerakan tangan)” “tak boleh up ke singgit sepuluh [10] sen [RM1.10]” “alamak bang, singgit lima [5] sen [RM1.05] jelah bang” dia kata okey, ha contohnya “okey lah boleh lah aku ambik singgit lima [5] sen [RM1.05] (membuat pergerakan tangan) tapi engkau kena tolong aku pulak (menunjuk diri sendiri) sepatutnya *uncle* habis 4 hari, habiskan 3 hari (menggoyangkan kaki)” ha dia macam tu makna kalau kita nak letak je “weh tak boleh lah, aku dah lama ni kau kena bagi aku dua [2] ringgit [RM2]” ha makna dia kata kejap lagi, kejap lagi tu sampai ke sudah dia takkan *call* [menelefon] kita, dia call orang lain, ada juga jenis-jenis macam tu (membuat pergerakan tangan) ha tu *uncle* cakap boleh, okey boleh kalau kita mintak singgit sepuluh [10] sen [RM1.10] dia tak bagi “bang, singgit lima [5] sen lah bang” okey *uncle* (menunjuk diri sendiri) akan cakap dengan dia boleh singgit lima [5] sen [RM1.05] sama-sama kita tolong, okey patutnya ada empat [4] hari kau habiskan aku tiga [3] hari, nanti dia bincang-

bincang dengan *director* [pengarah] balik “okey bang” bincang-bincang dengan *producer* [penerbit] “okey” ha jenis-jenis macam tu dia kena apa? *Give and take* [memberi dan ambil] jenis macam tu ha (berfikir) itu rasanya yang - membuat -- *uncle* boleh lama dalam bidang ni (membuat pergerakan tangan) tapi kalau kita nak *up* [naik] harga memang tak boleh “kechap lagi aku *call* [menelefon] eh? ” sampai ke sudah dia takkan *call* [menelefon] tetapi (membuat pergerakan tangan sambil menegaskan) lain kalau stesyen betul-betul nak kita, *yes* [ya] tapi kita yelah kalau stesyen nak kita, kita pun tak boleh nak *demand* [permintaan] sangat lah kan makna ikut - pada -- *rate* -- [nilai] (menggoyangkan kaki) sekarang lah kan, kalau kita _ kita boleh berceita lah tadi “up [naik] sikit, boleh tak?” kalau dia kata “nanti tanya *producer* [penerbit] lah *producer* [penerbit] kata okey” dan *producer* [penerbit] pun akan tengok (melihat tapak tangan) “siapa si polan ha?” “oh ni, oh okey boleh --” kalau dia kata “siapa si polan ni? Kita pun tak pernah tengok dia _ sekali dengan kita lagi ni” ha kan takpelah *producer* [penerbit] kata banyak ni je tapi kalau macam kata *production* [produksi] yang biasa dengan kita “siapa ni?” “bang, Lan Zailan lah bang” “okey -- boleh” dan lepastu pulak dia dah tahu perangai kita dekat *set* [tempat penggambaran] macam mana, so [jadi] kedatangan kita macam mana, ha dia “okey boleh” itu pasal pada *uncle*, daripada dulu lagi *uncle* tekan disiplin, itu pasal kalau - - *uncle* punya *call time* [panggilan masuk] pukul dua [2] kadang-kadang pukul dua belas [12] setengah *uncle* dah ada dekat *set* [tempat penggambaran] dah, pukul satu [1] *uncle* dah ada dekat *set* [tempat penggambaran] dah (membuat pergerakan tangan). Sebab apa? Sebab kita takut, takut *jammed* [sesak lalu lintas] takut apa semua, jadi kita taknak amalkan biasa sekarang ni “biasalah bang --” habistu “biasalah bang --” ni bukan tahun 1943 ni dah 2021 habis bila kita cakap macam tu, diorang akan marah, masa bila melayu [kaum di Malaysia] nak maju? “eh biasalah - -” habis kalau dah biasa, siapa nak ubah benda tu? (nada tegas) Kalau kita sendiri tak ubah. Itu - pasal -- *uncle* klaw *uncle* kalau cakap “okey bang, abang punya *call time* [panggilan masuk] pukul dua [2]” dua belas [12] empat puluh lima [45] *uncle* dah ada dekat situ dah, ha (membuat gerakan tangan) biar kita lama dekat situ takpe, sebab nanti okey contoh kalau kita pukul dua [2], kita keluar pukul satu [1] setengah, buatnya *jammed* [sesak lalu lintas]? Maksudnya orang lain semua dah tunggu kita, itu satu [1] orang lain (membuat pergerakan tangan) dah tunggu kita, kedua [2] dia akan sampai “membuat gaya menelefon” bila nak panggil kita esok “eh abang Lan tak usahlah, haritu suruh datang pukul [2] pukul tiga [3] baru sampai (menggoyangkan

kaki)” ha itu yang paling jahat (nada tegas), itu yang paling jahat di kalangan -- *production* [produksi] (membuat pergerakan tangan) bukan semua lah kan tapi mana yang dah tahu kita tak -- masalah, kecuali ada sebab macam kita cakap kan “eh, harini lambat sikit eh? Pukul dua [2] (melihat jam) harini lambat sikit datang pukul dua [2] setengah pasal ada hal sikit” ha takpe kita dah bagitahu awal, makna kalau tidak esok dia akan macam tu lah “eh -- jangan-jangan haritu suruh datang pukul [2], dia datang pukul tiga [3] lah, ambik orang lain” *Production* [produksi] akan bercerita -- macam tu, tapi kalau yang baik, alhamdulillah. “Sapa?” “okey --” “ si polan ni” “sapa?” “okey --” “siapa dia ni?” “okey --” sebab dia dah tahu, itu pasal tadi penting, macam _ tak tahu, macam *producer* [penerbit] tak tahu, yang tahu *assistant* PM [pembantu manager produksi], PM [production manager, manager produksi], *assistant director* [pembantu pengarah], *director* [pengarah] yang -- empat [4] ni yang tahu, bila letak nam ni contoh lah kan Lan Zailan “eh, okey bang (mengangguk kepala)” pastu dia pulak tanya pm [*production manager*, manager produksi] “eh, okey bang (mengangguk kepala)” cuba bila kita *deal* [perjanjian] harga dengan -- ni dengan taukeh “okey” dia takde “hu, he, ha” lah sebab apa? Sebab yang empat [4] ni dah *recommend* [mengesyorkan] kan kita, pasal empat [4] ni yang bekerja dengan kita taukeh ni tahu keluar duit je, kau mintak sepuluh [10] ringgit [RM10] dia bagi, kau mintak dua puluh [20] ringgit [RM20] dia bagi kan? Yang bekerja ni, yang empat [4] orang ni, empat [4] orang paling penting, kalau dapat *tackle* [pikat] empat [4] orang ni alhamdulillah ha (ketawa kecil).

NSMN : Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni lakonan bersama encik Zailan Kamaruddin Bin Lan, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini, adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni lakonan pada masa akan datang, sekian terima kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

MINIT	TOPIK	HURAIAN
1.14 – 4.06	Latar Belakang Diri	<ul style="list-style-type: none"> • Zailan Kamarudin Bin Lan • Dilahirkan di Parit, Perak pada tahun 1958 • Dibesarkan di Slim River • Isteri pertama Hasnah Binti Mohd Taib dan berasal daripada Klang. • Meninggal dunia pada tahun 2016 • Mempunyai isteri kedua setelah kematian yang pertama. • Mempunyai lima orang anak, empat perempuan seorang lelaki. • Mempunyai cucu lima orang.
4.07 – 6.50	Latar Belakang Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau diberikan kepada keluarga angkat dimana keluarga tersebut tidak mempunyai anak setelah 10 tahun perkhawinan. • Mempunyai empat orang ibu dan dua orang ayah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga menjadi lebih besar apabila ibu dan bapa beliau yang telah berpisah mengambil keputusan untuk berkahwin lain lagi. • Merupakan anak bongsu daripada ibu kandung. • Merupakan anak sulung daripada bapa kandung.
6.52 – 9.13	Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai sijil pendidikan peringkat LCE (Lower Certificate of Education) • Bersekolah di Slim River, Perak
9.19 – 11.54	Pekerjaan Pertama Sebelum Menceburi Bidang Lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> • Sekitar tahun 70-an, berhijrah ke Kuala Lumpur. • Pernah bekerja di kilang plastic • Pernah juga menjadi kelindan lori • Pada tahun 1978, beliau juga pernah bekerja di Malaysia Fancy Playwood Jalan Klang Lama.
11.56 – 13.21	Bagaimana Sokongan Daripada Kawan, Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima pelbagai kecaman dan ada juga yang memberi semangat.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		dan Orang Sekeliling Ketika Menceburi Bidang Lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai kata-kata negetif yang diterima dan juga kata-kata perli. • Beliau tidak mengendahkan semuanya, malah tetap berusaha untuk maju dalam bidang lakonan.
13.23 14.07	–	Cara menangani pandangan negetif yang diterima.	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau sentiasa meyematkan dalam diri bahawa tujuan utama menceburi bidang lakonan adalah untuk mempelajari sesuatu perkara baru. • Beliau tidak mengambil tahu akan kritikan daripada orang lain.
14.10 16.36	–	Siapa yang memberikan sokongan penuh ketika menceburi bidang lakonan.	<ul style="list-style-type: none"> • Ketika bujang, diri sendiri yang sentiasa memberi sokongan untuk maju dalam bidang ini • Berusaha menggilap bakat dari awal sehinggalah sekarang.
16.37 17.38	–	Pendapat mengenai artis veteran	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau berharap agar mempunyai pengganti untuk masa akan datang. • Terdapat rakan-rakan artis veteran yang lain mengalami masalah kesihatan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		<ul style="list-style-type: none"> • Ada juga yang keberatan untuk menghabiskan drama-drama yang kebanyakannya memerlukan tempoh masa yang lama.
17.39 19.09	– Pendapat Mengenai Pelakon Baru Dan Juga Pelakon Veteran	<ul style="list-style-type: none"> • Pelakon baru mempunyai pengikut tersendiri di media sosial. • Pelakon veteran hanya bergantung terhadap bakat yang dikurnikan oleh Allah S.W.T • Dengan adanya pengikut yang ramai, mereka akan diangkat menjadi watak utama tanpa mengutamakan bakat sama ada boleh berlakon dengan baik atau sebaliknya. • Artis veteran berjuang sesama sendiri dalam industri lakonan walaupun pada ketika itu mereka tidak menggunakan kecanggihan teknologi.
19.10 23.59	– Penerimaan Masyarakat Terhadap Artis Veteran	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat semestinya menerima pelakon pada zaman mereka sendiri.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

24.01 28.23	– Perbezaan Layanan Antara Pelakon Baru Dan Pelakon Veteran	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau menyatakan bahawa setiap manusia ada pelbagai jenis • Setiap produksi juga berbeza-beza • Sebagai contoh, jurusolek hanya mendandan hero dan herion, bayaran yang dijanjikan tidak sama
28.24 32.23	– Apa Itu Dunia Lakonan?	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau menyatakan bahawa segala bakat digilap dan digunakan untuk berlakon.
32.30 34.39	– Kumpulan teater yang disertai	<ul style="list-style-type: none"> • Teater “Hidayah” bersama dengan Dato’ Jalaluddin Hassan • Teater “Aswa” Taman Dato Harun • “BANGSAWAN” bersama tokoh Bangsawan • “ASWARA” iaitu beliau mempelajari seni silat dengan Pak Engku Rahmat
34.40 37.50	– Bagaimana tercetusnya nama ‘LAN ZAILAN’	<ul style="list-style-type: none"> • Nama ‘Lan Zailan’ terhasil apabila Syukri Hasyim memberikan idea tersebut. • Beliau menerima idea penghasilan nama sebagai ‘Lan Zailan’ ketika sedang berehat setelah habis

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		<p>penggambaran bersama dengan Syukri Hasyim.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beliau mencuba pelbagai nama seperti Z Kamarudin, K Zailan. • Beliau menggunakan nama tersebut sehingga kini.
37.54 40.44	–	<p>Bagaimana untuk menghayati sesebuah watak supaya menjadi?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bergantung kepada cara masing-masing di mana setiap pelakon mempunyai cara tersendiri. • Kebanyakan watak yang diberikan kepada Lan Zailan adalah berwatak jahat. • Watak ini tidak memerlukan penghayatan yang tinggi.
40.45 43.56	–	<p>Adakah penggunaan skrip tidak ditetapkan atau dilakukan secara spontan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan dialog ketika di teater boleh dilakukan secara spontan mengikut keizinan daripada pihak produksi. • Terdapat sesetengah dialog yang melibatkan sejarah, fakta, fatuah di mana perlu dihafal dan tidak boleh diubah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		<ul style="list-style-type: none"> • Para pelakon akan menggunakan cara tersendiri seperti menulis nota di tapak tangan untuk mengelakkan mereka lupa ketika sedang berada di set penggambaran.
43.58 46.00	– Perbezaan set penggambaran dulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> • Set penggambaran dahulu kekurangan dari segi penaja di mana para pelakon perlu menyediakan kelengkapan seperti mencari papan yang tidak digunakan seperti di lombong-lombong • Boleh juga membawa penukul, barang-barang terpakai yang akan digunakan untuk penyediaan di set • Pada ketika dulu, hanya menggunakan tirai berbeza dengan zaman sekarang yang lebih canggih dan moden. • Setelah selesai, mereka juga akan mengemas peralatan secara bersama-sama.
46.01 47.28	– Adakah pada ketika dulu, para pelakon yang menyediakan kelengkapan penggambaran dan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan kelengkapan penggambaran yang disediakan oleh pelakon adalah ketika di teater sahaja.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		<p>bukannya dari pihak produksi?</p>	<ul style="list-style-type: none"> Namun, sekiranya filem tersebut adalah daripada swasta, maka semua kelengkapan akan disediakan oleh pihak produksi. Begitu juga sekiranya tempat penggambaran yang digunakan adalah besar seperti di IB maka semua kelengkapan akan disediakan.
47.30 49.25	–	<p>Perbezaan layanan di set penggambaran dahulu dan sekarang</p>	<ul style="list-style-type: none"> Setiap manusia berbeza-beza. Ada yang baik dan ada juga yang sebaliknya. Sebagai pelakon perlu menerima ini semua kerana adalah pilihan kita Setiap individu mempunyai pandangan, pemikiran dan cara yang tersendiri.
49.26 53.05	–	<p>Perbezaan jurang bayaran dahulu dan sekarang</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bermula daripada pelakon tambahan beliau dibayar RM30, RM20. Beliau juga menggelarkan diri sendiri sebagai ‘Saya budak RM30) Pelakon tambahan pada masa kini tidak suka sekiranya dipanggil

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ZAILAN KAMARUDDIN BIN LAN
MENGENAI BIOGRAFI SEORANG ARTIS VETERAN

		sebagai extra, tetapi perlu dipanggil sebagai talent.
53.06 55.52	– Kata-kata semangat yang pernah diberikan oleh Lan Zailan kepada mereka yang telah terkenal	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau pernah menasihati seorang artis untuk pergi ke Kuala Lumpur sekiranya ingin berjaya. • Pelakon tersebut telah berjaya menjadi juara dalam sebuah rancangan televisyen.
